

Buku Khas

RAMADHAN

> **Sejarah Pensyariatan Puasa** 04

> **Kaedah Penetapan Awal Ramadan di Malaysia** 06

> **Puasa Wanita dan MASALAH FIQH** 14

> **ZAKAT FITRAH**

BP 179 .B84 2012 a

**SYARATSAH,
RUKUN
DAN PERKARA
YANG
MEMBATALKAN
PUASA** 11

**SOLAT
TARAWIKH
DAN PELAKSANAANNYA** 17

**IBADAH
SALAFUS
SOLEH**
DI BULAN RAMADHAN

**Warkah
CINTA ALLAH**
di Bulan Ramadhan 34

PERISTIWA BESAR 26
Di Bulan Ramadhan
Simbol Meningkatnya Produktiviti Ummah





87515870

KANDUNGAN

Jawatankuasa Buletin Khas Ramadhan 1434H	2
Secangkir Kalam Pengarah Pusat Islam	3
Sejarah Pensyariatan Puasa	4-5
Kaedah Penetapan Awal Ramadan Di Malaysia	6-8
Syarat Sah, Rukun Dan Perkara Yang Membatalkan Puasa	11-13
Puasa, Wanita Dan Masalah Fiqh	14-16
Solat Tarawikh Dan Kaedah Pelaksanaannya	17-20
Zakat Fitrah Dan Perbahasannya	21-23
Soalan-Soalan Lazim Berkaitan Bulan Ramadhan	24-25
Peristiwa Besar Di Bulan Ramadhan, Simbol Meningkatnya Produktiviti Ummah	26-29
Ibadah Salafus Soleh Di Bulan Ramadhan	30-33
Warkah Cinta Allah Di Bulan Ramadhan – Nuzul Quran	34-35
Anda Bertanya, Islam Menjawab	36-37
Soal Jawab Masalah Wanita Dan Bulan Ramadhan	38-39

JAWATANKUASA

Buku Khas

RAMADHAN

Penaung

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan
Naib Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Penasihat

Y.Bhg. Dr. Radzuan bin Nordin
Pengarah, Pusat Islam UTeM

Ketua Editor

Ustaz Muhammad Asyraf bin Sulaiman

Penyunting

Ustaz Muhammad Iskandar Shah bin Ab Ahmid
Ustaz Aswanzie Abbyd bin Zainal Abidin

Pembaca Pruf

Encik Mohd Nawawi Bin Muhamad
Puan Normala binti Abdul Mutalef
Encik Zuhaimi bin Alias

Pengarang

Ustaz Muhammad Asyraf bin Sulaiman
Ustaz Muhammad Iskandar Shah bin Ab Ahmid
Ustaz Mohd Fauzee bin Mohamed
Ustazah Syamilah binti Mohd Ali
Ustaz Aswanzie Abbyd bin Zainal Abidin
Ustaz Muhammad Ridhwan bin Mohd Danian
Ustaz Muhammad Ali bin Janas

Rekabentuk

Pejabat Perancangan & Komunikasi Korporat,
Canselor

Pengedaran

Rina Arianty binti Hashim
Encik Abdul Azim bin Azahari

PERPUSTAKAAN
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

No. Kawalan

No. Panggilan

0000085152

Tarikh

31 DEC 2013

BP
149
589
m
10/ce (13)



Secangkir Kalam

PENGARAH, PUSAT ISLAM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Alhamdulillah, bersyukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T di atas rahmat dan kasih sayangNya, Buku Khas Ramadhan 1434H dapat diterbitkan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w di atas usaha dan kegigihan baginda, maka kita dapat merasai nikmat Islam, Iman dan Ihsan pada hari ini.

Seperti tahun sebelumnya, Pusat Islam mengambil inisiatif bagi menerbitkan Buku Khas Ramadhan 1434H. Ia merupakan satu buah tangan peringatan dan imbas kembali buat para staf dan sesiapa yang membacanya, juga sebagai panduan dan perkongsian ilmu bagi mengimbas kembali sejarah pensyariatan puasa, kaedah puasa mengikut syara', rukun, perkara-perkara yang membatalkan puasa, wanita dan puasa, serta soalan-soalan lazim berkaitan puasa Ramadhan.

Justeru, buah tangan daripada Pusat Islam ini diharap dapat memberi gambaran yang jelas tentang persoalan dan masalah berkaitan dengan puasa Ramadhan. Mudah-mudahan amal baik yang sedikit ini mendapat redha Allah S.W.T seterusnya memberi kefahaman yang sahih berkaitan puasa Ramadhan buat kita semua.

Ucapan terima kasih kepada semua yang berusaha menerbitkan buku khas ini dan Jazakumullahu Khairan Kathira. Semoga semua amal baik kita mendapat rahmat daripada Allah S.W.T seterusnya diganjarkan dengan pahala sebanyak-banyaknya.


Sekian.

رمضان كريم
تقبل الله مننا و منكم صالح الأعمال
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
"DAKWAH PEMANGKIN KHAI'R UMMAH"
"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

DR. RADZUAN BIN NORDIN
Pengarah
Pusat Islam
Universiti Teknikal Malaysia Melaka





Sejarah Pensyariatan Puasa

Setelah berlalunya Sya'aban, maka tiba lah bulan yang penuh barakah dan maghfirah, Ramadhan Al-Mubarak. Adapun, sama-sama kita ucapkan syukur pada Allah S.W.T di atas rahmat dan belas ihsannya, kita betemu dengan Ramadhan tahun 1434H ini. Bulan Ramadhan sememangnya dikenali dengan bulan ibadah. Bulan yang ditunggu-tunggu untuk sama-sama melaksanakan amal ibadat dengan sepenuhnya, bulan yang di dalamnya ada malam yang lebih baik daripada seribu bulan, bulan yang dijanjikan keampunan, keramat dan segala macam kebaikan yang tiada tolok bandingnya dengan bulan-bulan yang lain. Bulan menguji keimanan, ketaatan dan kesungguhan kita sebagai hamba Allah S.W.T sama ada menjadi hamba yang taat dan patuh pada arahan-Nya. Berbahagialah kepada sesiapa yang mampu dan sabar dalam mengerjakan rukun Islam yang ke empat ini. Bahkan, bulan yang dinanti-nanti ini adalah tarikh penting sirah penurunan al-Quran, mukjizat Nabi Muhammad s.a.w kekal sehingga hari ini. Oleh yang demikian, sempena kedatangan bulan Ramadhan ini, saya mengajak muslimin dan muslimat untuk mengenali perkara-perkara asas untuk kesempurnaan ibadah dan apa jua perkara yang akan dilakukan dalam bulan penuh barakah ini.

Sejarah Puasa Di Permulaan Islam

Adakah difardhukan puasa sebelum berlakunya penyariatan puasa sebulan Ramadhan? Hakikatnya pada zahir ayat firman Allah S.W.T

(أياماً معدودات)

yang bermaksud : "Puasa yang diwajibkan itu ialah beberapa hari yang tertentu." Ayat ini menunjukkan bahawa kefardhuan puasa yang dimaksudkan itu ialah pada hari-hari di bulan Ramadhan selama satu bulan. Inilah pandangan kebanyakan ahli tafsir menurut riwayat Ibnu Abbas dan al-Hasan dan pandangan ini dipilih oleh al-Thabari.

Ada riwayat daripada Qathadah dan 'Atha' yang berpandangan bahawa kefardhuan puasa yang mula-mula dikenakan kepada kaum muslimin ialah sebanyak tiga (3) hari pada setiap bulan. Kemudian barulah difardhukan ke atas mereka puasa

sebulan di bulan Ramadhan. Hujah mereka adalah firman Allah S.W.T :

(وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْنِيَةً)

yang bermaksud : "..dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa itu membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin." Ayat ini menunjukkan bahwasanya kewajipan tersebut adalah berbentuk pilihan. Ada pun berpuasa di bulan Ramadhan adalah wajib yang berbentuk penentuan.. Maka kewajipan dalam ayat ini bukanlah pada hari-hari di bulan Ramadhan. Mereka berpendapat ayat ini dimansuhkan kerana kewajipan berpuasa pada permulaan Islam adalah kewajipan baru yang belum biasa mereka lakukan. Oleh itu, mereka diberi peluang memilih antara dua iaitu sama ada berpuasa atau berbuka dengan membayar fidyah.

Jumhur ulama pula berdalilkan bahawa firman Allah S.W.T yang berbunyi:

(كُتُبٌ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ)

yang bermaksud: "Diwajibkan ke atas kamu berpuasa" adalah begitu umum. Ia

mungkin member maksud puasa sehari atau dua hari atau lebih dari itu. Lalu Allah S.W.T menjelaskan lagi kenyataan tersebut dengan menyebut:

(أَيَّاماً مَعْدُودَاتٍ)

yang bermaksud: "Puasa yang diwajibkan itu ialah beberapa hari yang tertentu." Ayat ini juga tidak dinyatakan tempoh yang tertentu. Mungkin boleh jadi tempohnya seminggu atau sebulan. Lalu Allah S.W.T memperincikan maksud bagi tempoh berkenaan dalam firmanNya:

(شَهْرٌ رَمَضَانٌ)

yang bermaksud: "(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) sebulan Ramadan". Maka dengan turunnya ayat ini jelaslah bahawa masa yang difardhukan puasa kepada kaum muslimin ialah pada bulan Ramadhan (sepenuhnya).

Sekumpulan ulama di antaranya Ibnu Jarir al-Thabari pula berpendapat ayat ini tetap teguh, tidak dimansuhkan. Menurut mereka, ayat yang bermaksud: Bagi mereka yang berkuasa (berdaya) berpuasa pada masa mudanya tetapi



Tujuan Disyariatkan Berpuasa

tidak berdaya pada masa tuanya, mereka dibolehkan membayar fidyah sebagai ganti dari puasa. Kata Ibnu Abbas, ayat ini tidak dimansuhkan tetapi dikhususkan kepada orang lelaki yang sudah tua atau perempuan yang sudah tidak lagi berdaya untuk berpuasa. Maka dia dibolehkan menggantikan puasanya itu dengan fidyah. Fidyah ialah penebusan sesuatu yang diserahkan sebagai tebusan, iaitu memberi makan kepada orang miskin bagi setiap hari yang ditinggalkan dengan kadar mencukupi bagi berbuka dan sahur.

Selanjutnya, jika orang itu suka membayar fidyah dengan memberi makan kepada dua orang miskin bagi sehari adalah lebih baik baginya. Walaupun begitu, berpuasa itu lebih baik berbanding dengan berbuka kerana ibadat puasa memiliki banyak kelebihan serta fadilat di samping mendidik jiwa bertakwa kepada Allah.

Rahsia, Hikmah dan Faedah Berpuasa

Puasa Ramadhan adalah ibadah yang difardhukan Allah S.W.T. Maksud ibadah ialah seseorang Muslim melaksanakannya sebagai memenuhi titah perintah Allah S.W.T dan menuaikan hak perhambaan kepada Allah S.W.T tanpa melihat apa-apa natijah yang mungkin dihasilkan daripada ibadah puasa itu. Sekiranya seorang muslim telah melakukan perkara tersebut, maka selepas itu tidak ada halangan baginya untuk mencari hikmah dan rahsia ketuhanan yang tersembunyi disebalik sesuatu ibadah seperti puasa dan sebagainya. Suatu perkara yang tidak diragukan lagi ialah hukum-hukum Allah S.W.T semuanya mempunyai hikmah, rahsia dan faedah untuk hamba-hambaNya. Tetapi tidak disyariatkan hamba itu untuk mengetahui perkara tersebut.

Tidak diragukan juga bahawa puasa mempunyai hikmah dan faedah yang cukup banyak yang kadang-kadang sebahagiannya diketahui oleh hamba, tetapi masih banyak lagi hikmat yang tidak diketahuinya. Diantara hikmat dan faedah puasa yang mungkin diketahui oleh seseorang Islam ialah:

1. Menyedarkan hati seorang mukmin terhadap muraqabah Allah S.W.T. Ini disebabkan apabila orang yang berpuasa menghabiskan sebahagian waktu siangnya dengan berlapar, jiwanya inginkan makanan dan minuman. Tetapi kesedarannya tentang ibadah puasa yang sedang dilakukannya menghalang dirinya memenuhi kehendak jiwanya dalam rangka mematuhi perintah Allah S.W.T. Daripada pertentangan jiwa ini akan lahir kesedaran hati dan suburlah perasaan muraqabah Allah S.W.T serta berterusanlah ingatannya terhadap rububiyyah dan keagungan kekuasaan Allah S.W.T. Begitu juga dia akan sentiasa sedar bahawa dia adalah hamba yang sentiasa tunduk kepada hukum Allah S.W.T dan mematuhi kehendaknya.

Puasa Ramadhan difardhukan pada bulan Sya'ban tahun kedua hijrah. Sebelum itu puasa telah dikenali oleh umat-umat sebelumnya dan juga ahli kitab yang hidup sezaman dengan Rasulullah s.a.w. Firman Allah S.W.T:

“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa”.
(al-Baqarah: 183)

Walaubagaimanapun kewajipan puasa Ramadhan tidak pernah disyariatkan sebelum itu. Persamaan yang wujud diantara umat ini dengan umat-umat terdahulu ialah puasa disyariatkan. Tetapi kefardhuan puasa Ramadhan dikhususkan hanya kepada umat Nabi Muhammad s.a.w.

2. Ramadhan adalah bulan suci jika dibandingkan dengan semua bulan yang lain. Allah S.W.T menghendaki hambanya supaya memenuhkannya dengan ketaatan dan mendekatkan diri kepadaNya. Juga mengisinya dengan setinggi-tinggi makna perhambaan kepada Allah S.W.T. Langkah sukarnya untuk merealisasikan perkara itu apabila berhadapan dengan hidangan makanan, berada di majlis minum, selepas perut diisi penuh dan setelah naiknya hawa makanan ke dalam pemikiran dan otak. Jadi pensyiaran puasa pada bulan ini adalah jalan yang paling mudah untuk memenuhi hak Allah S.W.T dan melaksana kewajipan perhambaan kepadanya.

3. Sesungguhnya kehidupan seseorang muslim yang sentiasa barada dalam keadaan kenyang pasti akan memenuhi jiwanya dengan sifat-sifat yang keras dan menuburkan faktor-faktor pelampauan. Kedua perkara ini bertentangan dengan keadaan sebenar seseorang muslim. Jadi pensyiaran puasa akan membersihkan jiwanya dan menghaluskan perasaannya.

4. Diantara prinsip terpenting tertegaknya masyarakat islam ialah saling kasih mengasihi dan sayang menyayangi sesama umat islam. Amat sukar bagi si kaya untuk mengasihi si miskin dengan kasih sayang sebenar tanpa dia merasai kesakitan dan kepayahan kemiskinan juga kepahitan kelaparan dan penderitaan. Bulan Ramadhan adalah sebaik-baik pengalaman yang akan diperolehi si kaya mengenai perasaan si fakir. Ini menjadikannya hidup bersama si fakir di alam kepedihan dan dihalang daripada memiliki makanan. Dari sinilah puasa adalah sebaik-baik perkara yang akan menimbulkan faktor-faktor kasih sayang, rahmat dan kesian di dalam jiwa si kaya.

Setiap tahun apabila tibanya bulan Ramadhan sering kali masyarakat Islam di Malaysia bertanyakan berkenaan perbezaan kemasukan awal Ramadhan antara Malaysia dan negara Islam lain. Perkara ini perlu difahami oleh umat Islam di Malaysia agar ianya tidak menjadi polemik dan perbalahan tradisi bila masuknya bulan Ramadhan. Tulisan ini cuba mencerahkan isu ini dengan membawakan pendekatan mudah difahami yang ada hubungkait dengan kaedah penetapan bulan hijri di Malaysia.

Secara asasnya kaedah ru'yat al-hilal (melihat hilal dengan mata kasar) adalah kaedah yang diterima dan digunakan oleh masyarakat Islam untuk mengetahui kemasukan awal bulan hijri berdasarkan pengamalan di zaman Rasulullah s.a.w. Jika langit dalam keadaan mendung dan tidak memungkinkan berlakunya proses ru'yat al-hilal maka awal bulan hijri ditetapkan dengan cara menyempurnakan bilangan hari dari bulan sebelumnya (istikmal). Namun pada hari ini dengan pelbagai pandangan ulamak yang diasaskan kepada pelbagai faktor, maka kaedah penetapan awal bulan hijri terbahagi kepada tiga:

Pertama

Kumpulan yang berpegang dengan kaedah ru'yat al-hilal: Pendapat yang mengatakan awal bulan Ramadhan hanya dapat ditentukan melalui ru'yat al-hilal sahaja melanjang jika keadaan langit mendung, maka ketika itu bilangan hari hendaklah disempurnakan 30 hari. Ini adalah pendapat majoriti ulama terdahulu sebelum kemunculan zaman kegemilangan ilmu falak.

Kedua

Kumpulan yang berpegang dengan kaedah hisab falak: Pendapat yang mengatakan awal bulan Ramadhan hanya dapat ditentukan melalui kiraan hisab tanpa berpegang dengan ru'yat al-hilal.

Ketiga

Kumpulan yang berpegang dengan kaedah ru'yah dan hisab falak: Pendapat ini menggabungkan kaedah ru'yah dan hisab dalam pensabitan awal bulan hijri.

Golongan pertama menjadikan ru'yat al-hilal sebagai satu-satunya kaedah penetapan awal bulan hijri sekaligus menolak secara total penggunaan kiraan hisab dalam apa jua keadaan. Sekiranya datang seorang saksi yang mengaku melihat hilal, maka persaksian tersebut wajib diterima sebagai hujjah walaupun ianya bertentangan dengan hasil kiraan hisab atau bertentangan dengan fakta fenomena astronomi. Antara yang

berpegang dengan pendapat ini ialah ibn Abidin dalam mazhab Hanafi, al-Qarafi dan al-Qadi Abd al-Wahhab dalam mazhab Maliki, al-Ramli dari kalangan mazhab Syafie dan Ibn Qudamah dari kalangan mazhab Hanbali. Antara hujah-hujah mereka ialah:

i- Berdasarkan larangan pengiraan dan penulisan dalam riwayat Bukhari:

حدثنا ادم حدثنا شعبة حدثنا الأسود بن قيس

حدثنا سعيد بن عمرو أنه سمع بن عمر رضي

الله عنهما عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال:

إنا أمة أمية لا نكتب ولا نحسب.....² الخ

Bermaksud: "Adam telah memberitahu kami, telah berkata kepada kami Syurbah, telah berkata kepada kami Aswad Ibn Qays, telah berkata kepada kami Said ibn Amru, sesungguhnya dia telah mendengar Ibn Umar dari Nabi Muhammad SAW, baginda bersabda: Sesungguhnya kami adalah satu umat yang ummi tidak pandai menulis dan mengira...."

Golongan ini juga berpegang dengan riwayat Ibn Umar:

حدثنا يحيى بن بکير قال حدثني الليث عن عقبيل

عن بن شهاب قال أخبرني سالم أنا بن عمر

رضي الله عنهما قال سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: إذا رأيتموه فصوموا وإذا رأيتموه

فأطروا فإن غم عليكم فاقدروا له ³

Bermaksud "Telah berkata kepada kami Yahya Ibn Bukair; telah berkata kepadaku al-Lays dari Uqayl dari Ibn Syihab, dia berkata: Salim telah memberitahuku sesungguhnya Ibn cUmar berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: apabila kamu melihat hilal

Kaedah Penetapan Awal Ramadan di Malaysia

maka berpuasalah dan apabila kamu melihat hilal berharirayalah, sekiranya tertutup pandangan melihat hilal maka kirakanlah”

Golongan kedua pula hanya berpegang dengan kiraan hisab sahaja tanpa mengamalkan ru'yah. Apabila hilal dikatakan sudah ada (wujud atau milad al-hilal) berdasarkan kiraan hisab, maka selepas matahari terbenam bererti sudah masuk bulan baru tanpa perlu meru'yah. Sebagaimana diketahui kaedah kiraan hisab ini tidak berlaku di zaman permulaan Islam, namun ianya telah diperbahaskan oleh ulama-ulama mutakhir dengan penghasilan jadual dan penggunaan pelbagai instrumen. Antara ulama yang berpegang dengan pendapat ini kebanyakannya adalah dari mazhab Imam al-Syafie seperti Muttarif Ibn al-Syikhir, Ibn Qutaybah, Ibn Surayj, al-Qaffal, al-Qadi Abu Tayyib dan Ibn Muqatil al-Razi.

Antara hujah-hujah mereka ialah firman Allah S.W.T yang bermaksud: “Dialah yang telah menjadikan matahari bersinar-sinar (terang benderang) dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satutu itu (berpindah-pindah) pada tempat-tempat peredarannya (masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah s.w.t tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya).

[Surah Yunus (10) : 5]

FirmanNya lagi yang bermaksud: “Dan Kami jadikan malam dan siang itu dua tanda (yang membuktikan kekuasaan Kami), maka Kami hapuskan tanda malam itu (sehingga menjadi gelap gelita), dan Kami jadikan tanda siang itu terang benderang supaya kamu mudah mencari rezeki dari limpah kurnia Tuhan kamu, dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hitungan hisab (bulan dan hari); dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu (yang kamu perlukan untuk dunia dan agama kamu), Kami telah menerangkannya satu persatu (dalam al-Qur'an) dengan sejelas-jelasnya”

[Surah al-Isra' (17) : 12]

Berdasarkan ayat-ayat di atas, Allah S.W.T telah menjelaskan fungsi pergerakan objek langit sebagai panduan untuk mengetahui bilangan tahun (masa). Ini mendorong manusia untuk mempelajarinya demi memelihara peredaran masa dalam menjalankan kegiatan harian mereka. Untuk itu ilmu berkaitan pengiraan dan hisab amat diperlukan dalam menjamin ketepatan kiraan khususnya dalam menetapkan kemasukan awal bulan. Ditambah pula tidak terdapat satu nas yang melarang secara jelas penggunaan hisab falak untuk menetapkan awal bulan hijri. Oleh itu golongan hisab falak ini berpendapat penetapan awal bulan hijri hanyalah melalui proses kiraan hisab tanpa berpegang dengan ru'yat al-hilal.

Selain itu golongan ini juga berpegang dengan riwayat Ibn Umar:

حدثنا يحيى بن بکير قال حدثني الليث عن عقيل عن بن شهاب قال أخبرني سالم أن بن عمر رضي الله عنهما قال سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: إذا رأيتموه فصوموا وإذا رأيتموه فاقطروا فإن غم عليكم فاقدروا له⁴

Bermaksud: “Telah berbicara kepada kami Yahya Ibn Bukayr; dia berkata: Telah berbicara kepadaku al-Lays dari Uqayl dari Ibn Syihab, dia berkata: Salim telah memberitahu sesungguhnya Ibn Umar dia berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: apabila kamu melihat hilal maka berpuasalah dan apabila kamu melihat hilal berharirayalah, sekiranya tertutup pandangan melihat hilal maka kirakanlah”

Dalam memahami penafsiran perkataan (فأقدروا له) al-Imam al-Nawawi telah menyatakan para ulama telah berselisih faham dalam menjelaskan makna perkataan tersebut. Dalam keadaan ini al-Nawawi telah memilih pendapat Ibn Surayj, Muttarif dan Ibn Qutaybah yang mengatakan maksud sebenar (فأقدروا له) ialah : Kirakanlah untuknya!

Maksud perkataan ini dikuatkan dengan penafsiran perkataan (اقدروا له) yang terdapat dalam hadis panjang yang diriwayatkan oleh Nawwas Ibn Sama'an mengenai masa tinggalnya Dajjal di bumi:

حدثني محمد بن مهران الرازي - واللفظ له - حدثنا الوليد بن مسلم حدثنا عبد الرحمن بن يزيد بن جابر عن يحيى بن الطائي عن عبد الرحمن بن جبير بن نمير عن أبيه جبير بن نمير عن التواد بن سمعان يا رسول الله وما لبني في الأرض؟ قال: أربعون يوماً يوم كستنة ويوم شهر ويوم كجمعة وسائر أيامه ك أيامكم، قلنا يا رسول الله فذلك اليوم الذي ! كستنة أنكفيها فيه صلاة يوم؟ قال: لا، أقدرها له قدره

Bermaksud: ”Menceritakan kepada aku Muhammad Ibn Mahran al-Razi – menceritakan kepada kami al-Walid Ibn Muslim, menceritakan kepada kami Abd al-Rahman Ibn Yazid Ibn Jabir dari Yahya Ibn al-Tai dari Abd al-Rahman Ibn Jubair Ibn Nufair dari bapanya Jubair Ibn Nufair dari al-Nawwas Ibn Samaan“... Kami bertanya: Wahai Rasulullah s.a.w, berapa lamakah dia tinggal di bumi? Rasulullah menjawab: Empat puluh hari, sehari seperti setahun, sehari seperti sebulan, sehari seperti seminggu dan hari-hari ketika itu seperti hari-hari kamu. Kami bertanya: Wahai Rasulullah, Pada ketika sehari seperti setahun, apakah di hari itu memadai kami bersembahyang untuk sehari? Rasulullah s.a.w menjawab: Tidak, hendaklah kamu kirakan dalam sehari sembahyang untuk setahun!...”

Dalam riwayat di atas, perkataan (اقدروا له) hanya dapat diertikan dengan makna “kirakanlah” dan tidak mungkin dengan pengertian lain. Oleh itu pengertian (فأقدروا له) dalam riwayat Ibn Umar berkenaan dengan penetapan awal bulan juga hendaklah diertikan sebagai “kirakanlah” dan inilah yang difahami oleh golongan yang berpegang dengan kiraan hisab.

Golongan ketiga pula cuba menghimpunkan antara dua pendapat sebelumnya dengan melihat ru'yat al-hilal adalah berpegang dengan nas yang sarih manakala golongan kiraan hisab berpegang dengan akal yang sah. Oleh kerana kedua-duanya mempunyai hujah yang saling bertentangan antara satu sama lain, maka ianya telah menyebabkan berlakunya perbezaan pendapat yang amat ketara hingga ke hari ini.

Melihat kepada kesan perbezaan ini timbul usaha untuk menghimpunkan (al-jam) antara dua pendapat tradisi ini bagi melihat penyatuan dalam menetapkan kaedah kemasukan awal bulan hijri yang lebih mantap. Konsep "mantap" yang penulis maksudkan ialah awal bulan hijri ditetapkan dengan kaedah ru'yat dengan menjadikan kiraan hisab sebagai penyokong. Ini bermaksud proses ru'yat al-hilal harus mempertimbangkan aspek kemungkinan terlihatnya hilal (imkan al-ru'yah) yang didapati dari kiraan hisab. Bukan setakat membantu proses meru'yah sahaja, malah ianya juga mampu menjadi ukuran bagi menolak persaksian ru'yat al-hilal yang bertentangan dengan fakta astronomi.

Dalam menjelaskan permasalahan ini, Dr. Yusuf Qaradawi dalam bukunya *Kayfa Nataamal Maa al-Sunnah* mengatakan:

"Hadis-hadis berkenaan ru'yat al-hilal menunjukkan kepada tujuan dan wasilah yang menyampaikan kepada tujuan tersebut. Tujuannya adalah berpuasa dalam bulan Ramadan dan wasilahnya ialah melihat hilal dengan mata kasar. Melihat hilal dengan mata kasar adalah wasilah yang praktikal dan sesuai digunakan di zaman permulaan Islam. Jika kiraan hisab diperintahkan ketika itu dalam keadaan tidak pandai menulis dan membaca nescaya ianya akan mengundang kesulitan".

Beliau mengingatkan bahawa wasilah berubah-berubah mengikut masa, tetapi tujuan adalah tetap tidak berubah. Jika didapati wasilah yang lebih baik dalam mencapai sesuatu tujuan mengapa kita tidak menggunakannya? Dalam permasalahan ini ilmu kiraan hisab adalah wasilah yang jauh dari andaian, kesalahan, kesilapan dan penipuan dalam mensabitkan kedatangan awal bulan hijri serta tidak mendatangkan kesulitan.

Beliau berpendapat 'illah disyariatkan ru'yat al-hilal di permulaan Islam adalah

disebabkan kesulitan penggunaan kiraan hisab. Namun di zaman sekarang 'illah itu sudah tiada lagi disebabkan kemajuan dalam ilmu kiraan hisab ditambah pula dengan pencemaran udara yang tidak memungkinkan melakukan ru'yah dengan baik. Berdasarkan kaedah Usul fiqh:

إن الحكم يدور مع عليه لا مع حكمه وجوداً وعدماً

Bermaksud: "Hukum ditentukan berdasarkan kewujudan dan ketiadaan 'illah dan bukan hikmahnya"

Oleh kerana di zaman sekarang 'illah kesulitan itu sudah tiada lagi, maka kaedah kiraan hisab adalah sesuai digunakan dalam menetapkan awal bulan hijri sebagai kaedah sokongan dalam melicin dan memantapkan kemasukan awal bulan hijri. Malah hisab dianggap lebih mudah dan praktikal digunakan berbanding dengan ru'yat al-hilal sahaja. Pendapat inilah yang dipegang oleh Malaysia dalam menetapkan kemasukan bulan hijri dalam pembentukan takwim yang dinamakan sebagai takwim "imkan al-ru'yah".

Persoalan yang timbul, walaupun sarjana falak menerima gabungan kaedah ru'yah dan hisab, namun mereka telah berselisih faham pula dalam menetapkan apakah isi kandungan atau kriteria kiraan hisab (kriteria ru'yat al-hilal) yang boleh dijadikan sandaran permulaan awal bulan hijri. Dalam hal inilah asas kepada perbezaan kemasukan awal bulan hijri antara Malaysia dan negara Islam lain disebabkan perbezaan kriteria yang digunakan.

Dalam pembentangan kertas kerja yang bertajuk "al-Farq bayn al-Hilal wa Tawallad al-Hilal", Muhammad Shawkah Awdah telah menegaskan bahawa kebanyakan ulama semasa, telah memilih pendapat yang menggabungkan antara kiraan hisab dan ru'yat al-hilal. Mereka bersetuju untuk menjadikan kiraan hisab sebagai syarat tambahan kepada aktiviti ru'yat al-hilal. Ini kerana ru'yah adalah thabit datang arahan daripada Allah S.W.T dan RasulNya serta telah diamalkan di zaman Rasulullah s.a.w. Walaupun sarjana falak menerima gabungan kaedah ru'yah dan hisab, namun mereka telah berselisih faham pula dalam menetapkan apakah isi kandungan atau kriteria kiraan hisab (kriteria ru'yat al-hilal) yang boleh

dijadikan sandaran permulaan awal bulan hijri. Dalam hal ini Muhammad Syawkah dari Jordan telah menyatakan terdapat lima kriteria ru'yat al-hilal yang berbeza iaitu :

a) Kriteria terbenam matahari selepas maghrib dan ijtima' berlaku sebelum maghrib. Kriteria ini melihat apabila bulan terbenam pada hari yang ke 29 selepas terbenamnya matahari walaupun sekadar satu minit dan ijtima' telah berlaku sebelum maghrib, maka hilal sudah boleh dilihat. Hari yang berikutnya dikira hari pertama di bulan yang baru. Ini telah digunakan oleh takwim ummul-qura sejak tahun 1423H. Namun begitu Muhammad Shawkah Awdah telah mengkritik kriteria ini dengan menyatakan ianya adalah tidak tepat disebabkan ijtima' yang dikira ialah ijtima' al-markazi iaitu ijtima' berdasarkan pusat bumi bukannya ijtima' al-suthi iaitu yang berdasarkan tempat pencerap. Berkemungkinan ijtima'c telah berlaku mengikut ijtima'c al-markazi tetapi belum berlaku mengikut ijtima' al-suthi.

b) Kriteria umur bulan . Kriteria ini melihat apabila terbenamnya matahari dan umur bulan melebihi 12 jam, maka hilal mungkin boleh dilihat pada hari tersebut. Muhammad Shawkah Awdah juga tidak menerima kriteria ini. Ini adalah berdasarkan hasil cerapan yang dilakukan sejak tahun 1859 hingga tahun 2005 didapati umur minima anak bulan yang mampu dilihat ialah pada tahun 1990 sekitar 15 jam 33 minit menggunakan mata kasar, manakala menggunakan teleskop ialah 13 jam 14 saat pada tahun 1996.

c) Kriteria maks al-qamar . Kriteria ini melihat sekiranya maks al-qamar lebih dari 30 minit selepas matahari terbenam, maka hilal berkemungkinan dapat dilihat. Kriteria ini juga tidak tepat kerana tempoh minima maks al-qamar sebelum ini ialah 75 minit. Walaupun pada tahun 1990 cerapan dapat dilakukan di Palestin dengan tempoh minima 29 minit dengan mata kasar dan tahun 2005 dengan tempoh minima 21 minit menggunakan teleskop, namun semua data yang telah dilakukan mendapatkan cerapan yang dilakukan sebelum itu menunjukkan paling kurang 75 minit.

d) Kriteria jarak lengkung. Kriteria ini melihat jarak lengkung antara bulan dan matahari tidak kurang dari 6.4 derajah. Ianya juga adalah tidak boleh diterima kerana berdasarkan rekod, jarak lengkung

minimum sebelum ini menggunakan mata kasar ialah 7.7 darjah yang telah dilakukan pada tahun 1990 dan menggunakan teleskop ialah 6.4 darjah yang telah dilakukan pada tahun 2004.


e) Kriteria hisab ru'yat al-hilal. Kriteria ini melihat dalam melaksanakan cerapan hilal, adalah tidak mungkin menggunakan salah satu dari kriteria yang disebutkan di atas. Tidak mungkin hilal boleh dilihat jika umur bulan satu jam sahaja atau maks al-qamar selama 5 minit sahaja. Dengan sebab itu keempat-empat kriteria di atas mestilah dihimpunkan bagi membentuk kriteria imkan al-ru'yah. Ini bermaksud dalam kriteria ini terdapat umur bulan, maks al-qamar, jarak lengkung dan matahari terbenam.

Berdasarkan lima kriteria di atas Malaysia telah mengambil pendekatan yang kelima iaitu memulakan awal bulan hijri menggunakan kiraan hisab ru'yat al-hilal atau dinamakan kaedah imkan al-ru'yah.

Pembentukan takwim hijri di Malaysia adalah berdasarkan kaedah imkan al-ru'yah dengan menggunakan kedua-dua kaedah ru'yah dan hisab dalam pencarian anak bulan hijri. Kedua dua kaedah ini berhubungkait dan saling sokong menyokong antara satu sama lain dalam urusan penyediaan takwim hijri.

Di Malaysia, kriteria imkan al-ru'yah ini pada mulanya digunakan bagi penentuan awal bulan Ramadan, Syawwal dan Zu al-hijjah sahaja manakala bulan-bulan lain secara kaedah wujud al-hilal. Namun ada tahun 1995, Jawatankuasa Teknikal Kalendar Islam telah menetapkan penggunaan kriteria imkan al-ru'yah untuk semua bulan hijri dalam pelaksanaan takwim Islam di Malaysia.

Kronologi Bagi Kaedah Penetapan Awal Bulan Islam Di Malaysia



Rajah 3.1: Kedudukan hilal berdasarkan kriteria imkan al-ru'yah

Pada awalnya amalan penetapan awal bulan di Malaysia adalah berdasarkan ru'yah sahaja. Amalan meru'yah ini telah dipelopori oleh golongan cerdik pandai agama seperti alim ulama, kadi dan para mufti. Keputusan ru'yah akan dijadikan sebagai ukuran untuk permulaan puasa dan hariraya serta penetapan takwim. Pengetahuan mereka dalam hukum hakam agama, khususnya berkaitan tempoh masa dalam ibadat telah mendorong mereka melibatkan diri dengan meru'yah hilal. Usaha meru'yah telahpun dijalankan secara rasminya sejak tahun 1934 oleh Syed Alwi bin Tahir al-Haddad dari menara masjid Sultan Abu Bakar Johor Bahru.

Kaedah ru'yah yang dilakukan pada peringkat awal ini telah menyebabkan berlaku perbezaan yang ketara antara kaedah penetapan awal dan akhir bulan hijri di setiap negeri. Ini membawa kepada perbezaan kaedah penyusunan takwim hijri berdasarkan pemahaman ahli falak setempat yang disokong oleh pihak berkuasa negeri. Pada tahun 1972, kaedah penetapan awal bulan Ramadan, Syawwal dan Zu al-hijjah di seluruh Malaysia telah diselaraskan. Antara penyelesaian yang telah dibuat ialah penggunaan kaedah yang seragam dan penetapan tiga tempat utama melihat anak bulan iaitu Pulau Sayak di Kuala Muda Kedah, Bangunan Pejabat Kerajaan Johor dan Teluk Kemang di Negeri Sembilan. Kaedah penentuan awal bulan yang digunakan ketika itu ialah ru'yah dan hisab, di mana jika anak bulan tidak kelihatan semasa meru'yah, syarat kenampakan anak bulan dengan kriteria tertentu akan digunakan.

Kaedah penentuan anak bulan ini kemudiannya telah diubah semula kepada kaedah ru'yah sahaja mulai tahun 1978 dan digunakan sehingga tahun 1982. Berdasarkan kaedah ini, jika anak bulan tidak kelihatan pada hari ke 29 (samada Sya'ban atau Ramadan), bulan hijri berkenaan dilanjutkan menjadi hari ke 30. Walau bagaimanapun kaedah ini telah menimbulkan banyak kontroversi dan ianya mendorong Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Kebangsaan (MKHEI) menuahkan Jawatankuasa Menetapkan Awal Puasa dan Hari Raya (JMAPH) pada tahun 1982.

JMPAH telah bertindak menyelaraskan kaedah penetapan awal bulan Ramadan dan Syawwal dengan memperbaiki kaedah ru'yah dan hisab di Malaysia. Susulan

itu Majlis Raja-Raja Malaysia dalam mesyuarat ke 125 telah bersetuju dengan cadangan JMPAH berkaitan peraturan ru'yah dan hisab sebagaimana dinyatakan:

"Anak bulan Ramadan dan Syawal, sekiranya tidak kelihatan kerana terlindung oleh keadaan cuaca, pada hal mengikut ahli-ahli falak anak bulan itu tetap ada dan boleh nampak, maka kiraan ahli-ahli falak bolehlah digunakan".

Seterusnya bagi menetapkan kaedah falak bagi peraturan di atas, JMAPH pada bulan April 1983 telah menggunakan Resolusi Istanbul 1978 mengenai syarat kenampakan anak bulan dengan beberapa pengubahan. Berdasarkan keputusan tersebut, anak bulan disifatkan ada dan boleh kelihatan jika memenuhi kriteria berikut:

- i-Ketinggian anak bulan tidak kurang 5.5° dari ufuk ketika matahari terbenam
- ii-Jarak jauh anak bulan dari matahari ketika matahari terbenam tidak kurang 7.5° dan
- iii-Ijtimac telah berlaku tidak kurang dari 8 jam sebelum waktu matahari terbenam.

Setelah kriteria JMAPH (1983) digunakan beberapa tahun, JMAPH telah membentuk Jawatankuasa Kajian Semula Penetapan Awal Bulan Ramadan dan Syawwal (JKSPARS). Syarat kenampakan anak bulan telah diubah berikutnya adanya laporan kenampakan anak bulan yang minima di Indonesia. Walau bagaimanapun terdapat kelemahan metodologi dalam proses perumusan semula oleh JKSPARS. Berdasarkan kepada laporan kenampakan anak bulan yang minima di Indonesia tersebut, pada tahun 1991 Jawatankuasa Kajian Semula Penetapan awal Ramadan dan Syawwal (JKSPARS) telah bermesyuarat dan mengubahsuai kriteria imkan al-ru'yah seperti berikut.

- i-Ketika matahari terbenam, ketinggian hilal tidak kurang daripada 2 darjah dan jarak lengkung bulan matahari tidak kurang daripada 3 darjah, atau
- ii-Ketika hilal terbenam, umurnya tidak kurang daripada 8 jam

Berdasarkan ini, pada 1 Jun 1992, pertemuan tidak rasmi Menteri Agama antara anggota-anggota MABIMS

yang merangkumi Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura telah berlaku di Labuan dan semua bersepakat untuk menerima kriteria:

“Sebelum matahari terbenam, ijtima’ telah berlaku 29 haribulan hijriyyah dan melalui perkiraan, kewujudan hilal adalah positif serta dapat memenuhi salah satu syarat-syarat berikut:

i- Ketika matahari terbenam, ketinggian hilal di atas ufuk tidak kurang dari 2° dan jarak lengkung hilal-matahari tidak kurang dari 3° atau

ii- Di ketika hilal terbenam, umur hilal tidak kurang daripada 8 jam selepas ijtima’ berlaku .”

Pada 16 Jun 1994, Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu ke 167 bersetuju agar penentuan Hari Raya ‘Edul Adha (sehari selepas wukuf di Padang Arafah) juga dipinda kepada penentuan berdasarkan kriteria imkan al-ru’yah iaitu pada 10 Zu al-hijjah. Pada tahun 1996 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kalendar Islam Malaysia telah menetapkan penggunaan kaedah imkan al-ru’yah bagi semua bulan hijri dalam perlaksanaan Takwim Islam Malaysia .

Berdasarkan kepada sejarah pemakaian kriteria imkan al-ru’yah dalam pembentukan takwim di Malaysia, didapati sejak 1984 kriteria imkan al-ru’yah hanya digunakan bagi menentukan awal bulan Ramadhan, Syawwal dan Zu al-hijjah sahaja, manakala penentuan bagi bulan-bulan hijri yang lain dibuat melalui kaedah wujud al-hilal. Hal ini berterusan hingga tahun 1996 bilamana Jawatankuasa Teknikal Kalendar Islam Malaysia telah menetapkan supaya penggunaan kaedah kriteria imkan al-ru’yah diperluaskan untuk semua bulan Islam dalam pembentukan Takwim Islam Malaysia .

Persoalan yang perlu dibangkitkan dalam masalah pengamalan imkan al-ru’yah di Malaysia ialah tentang kriteria yang telah ditetapkan. Pada dasarnya Resolusi Istanbul telah diterima sebagai asas dalam pengamalan imkan al-ru’yah. Akan tetapi kriteria tersebut telah diubah dengan menjadikan kriteria 2° , 3° dan 8 jam

sebagai kriteria yang diterima di Malaysia. Bagaimana perubahan kriteria ini boleh berlaku? Walaupun kriteria semasa yang diamalkan adalah berdasarkan laporan kenampakan anak bulan yang minima di Indonesia.

namun penulis berpendapat ianya terlalu kecil dan akan menyebabkan berlakunya perbezaan yang amat ketara sehingga empat hari dengan permulaan bulan hijri di antara Malaysia dan negara-negara Islam lain. Malah laporan kenampakan yang minimum di Indonesia tersebut telah disanggah oleh Baharrudin disebabkan terdapatnya kelemahan metodologi dalam proses perumusan semula oleh Jawatankuasa Kajian Semula Penetapan Awal Ramadhan dan Syawwal (JKSPARS).

Oleh yang demikian kriteria semasa yang digunakan oleh Malaysia dalam pengamalan kaedah imkan al-ru’yah perlu dikaji semula bertujuan mengurangkan perbezaan permulaan bulan hijri di antara Malaysia dan negara-negara Islam.

Jadual di sebelah menunjukkan kronologi syarat-syarat atau kriteria imkan al-ru’yah yang diamalkan di Malaysia :

Kriteria Imkan al-Ru’yah (KIR) dan Tahun	Konfigurasi kedudukan bulan ketika matahari terbenam		Kematangan bulan dari <i>ijtima’</i> hingga ia terbenam
	Ketinggian	Jarak Lengkung	
KIR 1978	5°	dan 8°	Tidak disyaratkan
KIR 1983	5.5°	dan 7.5°	8 jam
KIR 1991	2°	dan 3°	atau 8 jam

Jadual 3.7 : Kronologi syarat-syarat atau kriteria imkan al-ru’yah di Malaysia

Pada tahun ini, cerapan di Malaysia akan dilakukan pada petang hari Isnin, 29 Syaaban 1434H bersamaan 8 Julai 2013. Oleh kerana kriteria Imkan ar-Rukyah tidak mencukupi syarat maka Syaaban dicukupkan 30 hari. Oleh itu, masyarakat Islam Malaysia akan memulakan awal Ramadhan 1434H pada hari Rabu bersamaan 10 Julai 2013. Berkemungkinan juga Arab Saudi akan memulakan awal Ramadhan pada hari Selasa kerana kriteria yang cukup syaratnya. Masyarakat Islam Malaysia adalah terikat dengan keputusan Jawatankuasa Kalendar Islam dan tidak perlu mengikuti tarikh negara lain. Artikel ringkas ini diharapkan menjadi panduan

kepada masyarakat Islam Malaysia dalam memahami perbezaan kemasukan awal bulan hijri khususnya awal Ramadhan pada setiap tahun.

Kesimpulannya, masyarakat Islam Malaysia harus mengikut apa jua ketetapan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kalendar Islam Malaysia yang berpegang dengan kaedah imkan al-ru’yah. Pemahaman berkaitan kemasukan awal bulan hijri mampu mengelakkan masyarakat Islam terdedah kepada fitnah dan perpecahan dalam memulakan awal Ramadhan pada setiap tahun.



Kaedah Penetapan Awal Ramadhan Di Malaysia
Oleh:
Dr. Radzuan Bin Nordin



SYARAT SAH, RUKUN DAN PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA

Setiap amalan yang kita lakukan mestilah berpandukan syarat, rukun dan sebaginya. Oleh yang demikian, marilah sama-sama kita melihat semula syarat, rukun dan perkara-perkara yang membatalkan puasa.

Syarat Sah Puasa

Puasa ramadhan menjadi wajib apabila sempurnanya perkara-perkara berikut:

1. Islam, tidak sah puasa ke atas orang kafir. Sekiranya seorang murtad walaupun sekejap sedangkan dia berpuasa maka batal puasanya.
2. Berakal, tidak sah puasa orang gila. Sekiranya seorang terkena gila walaupun sekejap sedangkan dia berpuasa maka batal puasanya. Tetapi kalau pitam atau mabuk yang ada siu-mannya walaupun sekejap sah puasanya. Adapun tidur tidak membatalkan puasa sekalipun sehari suntuk.
3. Suci daripada haid dan nifas sepanjang hari. Sekiranya datang haid atau nifas walaupun sekejap sedangkan dia berpuasa maka batal puasanya.
4. Niat. Wajib ditentukan niat puasa fardhu seperti ramadhan, qadha atau nazar atau kifarah. Niat hendaklah disemat di dalam hati dan boleh dibantu dengan lafadz:

نَوْيَتْ صَوْمَمْ عَدِ عَنْ أَدَاءِ فَرْضِ رَمَضَانَ هَذِهِ
السُّنْنَةُ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: "Sahaja aku berpuasa esok hari kerana menuunaikan fardu Ramadhan tahun ini kerana Allah Taala."

5. Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari.

Rukun Puasa

1. Orang yang berpuasa.

2. Niat.

Iaitu kehendak (qasad) melakukan puasa. Tempatnya di hati, tidak cukup dengan hanya melafazkannya dengan lidah dan tidak disyaratkan melafazkannya. Dalil wajib niat adalah sabda Nabi s.a.w:

"Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat". (HR: Bukhari dan Muslim)

Sekiranya ia adalah niat untuk puasa ramadhan, disyaratkan wujudnya perkara-perkara berikut:

- a. Berniat pada waktu malam.

Iaitu hendaklah dilakukan qasad (kehendak melakukan puasa) itu pada waktu malam, iaitu sebelum terbit fajar. Sekiranya dia tidak berqasad untuk melakukan puasa kecuali selepas terbitnya fajar maka batallah niat dan puasanya. Dalilnya sabda Nabi Muhammad s.a.w:

"Barangsiapa yang tidak berniat puasa sebelum terbit fajar maka tidak ada puasa baginya". (HR: Abu Daud dan Ibnu Majah)

b. Penentuan (Ta'yin)

Ini dilakukan dengan menetapkan jenis puasa. Orang yang berpuasa hendaklah berazam dalam hatinya untuk berpuasa bulan Ramadhan pada esok hari. Sekiranya dia berniat dalam dirinya dengan semata-mata berpuasa (tidak ditentukan jenis puasa), maka niatnya tidak sah. Ini berdasarkan sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: "sesungguhnya amalan itu dengan niat". seperti yang telah dinyatakan sebelum ini: "Dan bagi setiap orang itu apa yang telah diniatkannya". Maksudnya: perbuatannya itu akan mengikuti jenis yang telah diqasadkan untuk dilakukan.

c. Berulang-ulang

Maksudnya : orang yang berpuasa hendaklah berniat pada setiap malam sebelum terbit fajar untuk puasa hari berikutnya. Tidak cukup dengan satu niat untuk puasa sebulan kerana puasa ramadhan bukanlah ibadah yang satu. Bahkan ia adalah ibadah yang berulang-ulang dan setiap ibadah itu mesti dikhususkan niatnya yang tersendiri.

Mengenai puasa sunat, niat tidak disyaratkan pada waktu malam dan tidak perlu ditentukan. Niat sah dilakukan sebelum tergelincir matahari dan sah juga dengan niat mutlak. Dalilnya ialah hadist Aisyah r.ha.:

"Pada suatu hari Nabi s.a.w. bersabda kepada mereka: "Apakah kamu mempunyai makanan tengahari?". Jawabnya: "Tidak". Sabda Baginda: "Kalau begitu aku berpuasa".
(HR: ad-Daruqutni)

3. Menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari.

Perkara - Perkara Yang Membatalkan Puasa

1. Makan dan minum

Puasa terbatalkan sekiranya makan dan minum dilakukan dengan sengaja walaupun makanan ataupun minuman itu sedikit. Sekiranya terluipah bahawa sedang berpuasa lalu makan ataupun minum maka puasanya tidak batal walau seberapa banyak dia makan atau minum. Dalilnya hadis Abu Hurairah r.a katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya:

"Barangsiapa yang terlupa bahawa dia sedang berpuasa lalu dia makan ataupun minum maka hendaklah dia menyejmurnakan puasanya, sesungguhnya Allahlah yang telah memberinya makan dan minum". (HR: Bukhari)

2. Sampainya 'ain (sesuatu) ke dalam al-Jauf (rongga) melalui liang yang terbuka

Maksud 'ain ialah sesuatu yang dapat dilihat oleh mata. Maksud al-jauf ialah otak, ataupun apa yang berada antara bawah halskum hingga ke perut. Maksud

liang yang terbuka ialah seperti mulut, telinga, qubul, dubur sama ada bagi lelaki dan juga wanita. Oleh itu setik air masuk melalui telinga membantalkan puasa kerana ia adalah liang yang terbuka. Setik air yang masuk ke dalam mata tidak membantalkan puasa kerana ia adalah liang yang tidak terbuka. Suntikan di lubang dubur membantalkan puasa kerana lubang dubur ialah liang yang terbuka. Suntikan pada urat tidak membantalkan puasa kerana urat adalah liang yang tidak terbuka.

Semuanya ini disyaratkan dilakukan dengan sengaja. Sekiranya perkara ini berlaku dalam keadaan lupa maka ia tidak merosakkan puasanya. Hukum ini diqiasaskan dengan makanan dan minuman.

3. Bersetubuh dengan sengaja di siang hari bulan ramadhan walaupun tanpa keluar air mani

Dalilnya firman Allah S.W.T yang bermaksud:

"Makan serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam), iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu, sehingga waktu malam (maghrib) dan janganlah kamu setubuh mereka ketika kamu sedang berikikaf di masjid". (Al-Baqarah:187)

Maksud fajar ialah cahaya yang terbit dengan terang di ufuk langit dan dengan itu berakhirlah malam dan bermulalah siang. Sekiranya dia bersetubuh dalam keadaan lupa maka ia tidak membantalkan puasa. Hukum ini diqiasaskan dengan makan dan minum yang terlupa.

4. Al-Istimna'

Al-istimna' ialah mengeluarkan air mani dengan melakukan percumbuan dan sebagainya ataupun dengan menggunakan tangan. Sekiranya orang yang berpuasa sengaja melakukannya maka batal puasanya. Mengenai orang yang tidak cepat naik syahwatnya, yang utama baginya ialah meninggalkannya demi menutup pintu yang merosakkan puasanya. Dalilnya hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah r.a. Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"Rasulullah s.a.w. telah menciumku sewaktu Baginda berpuasa. Siapakah di kalangan kamu yang dapat menguasai nafsunya sebagaimana Rasulullah s.a.w. menguasai nafsunya". (HR: Muslim)

Para ulama' berkata maksud kata-kata Aisyah r.a. ialah sepatutnya kamu menjauhi daripada bercium dan jangan menyangka bahawa diri kamu adalah seperti Nabi s.a.w. yang boleh melakukannya. Ini kerana Baginda mampu menguasai dirinya dan dapat dijamin apabila Baginda mencium tidak menyebabkan keluarnya air mani



ataupun naik syahwat ataupun naiknya nafsu dan seumpamanya sedangkan kamu tidak ada jaminan terhadap perkara itu.

5. Haid dan nifas

Haid dan nifas merupakan keuzuran yang menghalang sahnya puasa. Sekiranya wanita yang berpuasa keluar haid ataupun nifas pada sebahagian daripada siang maka batallah puasanya. Dia wajib mengqadha' puasa hari tersebut.

6. Gila dan murtad

Gila dan murtad merupakan penghalang daripada sahnya puasa kerana orang yang berada di dalam keadaan ini tidak mempunyai keahlian (kelayakan) untuk beribadat.

Mereka yang berpuasa wajib menjaga dirinya daripada perkara-perkara yang membatalkan ini agar puasanya sah bermula dari terbit fajar sehingga matahari terbenam. Sekiranya orang yang berpuasa melakukan perkarayang membatalkan ini dengan sangkaan fajar belum terbit, tetapi selepas melakukannya, sangkaannya jelas meleset, maka batal puasanya. Dia hendaklah menahan dirinya (tidak makan, minum dan lain-lain seperti orang yang berpuasa) sepanjang siang sebagai menghormati bulan ramadhan. Dia juga dikehendaki supaya mengqadha' puasanya itu. Begitu juga apabila seseorang berbuka pada akhir siang di waktu petang dengan sangkaan matahari telah tenggelam kemudian terbukti bahawa matahari belum tenggelam, maka batallah puasanya dan dia wajib mengqadha'nya. ”



RUKHSAH

Keuzuran Yang Mengharuskan Berbuka

1. Sakit yang mendatangkan mudharat yang besar kepada orang yang berpuasa. Jika penyakitnya menjadi semakin teruk jika dia berpuasa, dan dia bimbang sekiranya dia meneruskan puasanya, maka pada waktu itu dia wajib berbuka.

2. Musafir yang jauh melebihi 2 marhalah. Dalil kedua-dua keuzuran ini ialah firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir (diharuskan berbuka, kemudian wajib diganti puasanya) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain”.
(al-Baqarah: 185)

3. Tidak mampu berpuasa. Oleh itu tidak wajib berpuasa disebabkan terlalu tua atau sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh kerana puasa hanya wajib terhadap orang yang mampu melakukannya. Dalilnya firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dan wajib atas orang-orang yang tidak berdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya)membayar fidyah dengan memberi makan orang-orang miskin”.
(al-Baqarah:184)

4. Perempuan hamil dan menyusukan anak boleh berbuka, sekiranya dia berbuka kerana bimbangkan dirinya mendapat mudharat sekiranya berpuasa, maka dia boleh berbuka dan dia wajib qadha' puasanya sahaja sebelum datang ramadhan yang berikutnya. Dalilnya hadis daripada Nabi s.a.w. yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah S.W.T. telah mengangkat puasa orang yang musafir (boleh berbuka) dan telah mengurangkan sembahyang (boleh diqasarkan sembahyang) dan diangkat puasa daripada orang yang hamil dan sedang menyusukan anak”.
(HR: At-Tirmizi dan Abu Daud)



Puasa, Wanita dan Masalah Fiqh

Oleh:

Ustazah Syamilah Bt Mohd Ali

Puasa Wanita dan MASALAH FIQH

“ Pada masa ini, ramailah yang sibuk bermuhasabah diri, mengira dan menghitung puasa yang telah ditinggalkan sebelum ini. Ramai yang ambil kesempatan mengantikan puasa di bulan Rejab dan Sya’ban. Masing-masing berlumba untuk qadha’ puasa malah ada yang sibuk membeli beras untuk bayar fidyah ”

Apakah sebab perlu qadha puasa dan bayar fidyah. Baiklah, di ruang yang ada ini akan dijelaskan mengenainya dan ianya sangat sinonim dengan wanita kerana wanita diberi kelonggaran meninggalkan puasa atas sebab yang dibenarkan.

1. Wanita Haid dan Nifas

Wanita yang didatangai haid dan nifas iaitu darah yang keluar selepas bersalin adalah diharamkan berpuasa tetapi wajib qadha mengikut jumlah hari yang telah ditinggalkan.

Sekiranya bersih (dari haid dan nifas) pada siang hari selepas terbit fajar, maka puasanya tidak sah. Berbeza sekiranya bersih sebelum terbit fajar dan sempat berniat boleh berpuasa walaupun belum sempat mandi hadas besar. Adalah sebaik-baiknya mempercepatkan mandi hadas seterusnya dapat menuaikan solat Subuh pada waktunya.

2. Wanita Hamil dan Menyusukan Anak

Menurut doktor perubatan, wanita hamil tidak digalakkan berpuasa terutama di awal kehamilan kerana terdapat komplikasi pada ibu manakala bayi di dalam kandungan memerlukan nutrient yang secukupnya. Namun begitu, terdapat beberapa pakar yang berbeza

pendapat ada yang mengatakan boleh dan tidak boleh. Oleh itu, ianya perlu melihat kepada individu tersebut dan rukhsah mengenainya ada dibahaskan.

Bagi ibu yang hamil atau menyusukan anak dan khuatir akan kesihatan dirinya jika meneruskan puasa, maka untuk keadaan ini dia boleh berbuka puasa dan wajib untuk mengqadha (tanpa fidyah) di hari yang lain ketika telah sanggup berpuasa. Keadaan ini disamakan dengan orang yang sedang sakit dan mengkhawatirkan keadaan dirinya. Sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Maka jika di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka wajib baginya berpuasa sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain.”

(Al Baqarah:184)

Berkaitan dengan masalah ini, Ibnu Qudamah rahimahullah mengatakan, “Kami tidak mengetahui ada perselisihan

di antara ahli ilmu dalam masalah ini, karena keduanya seperti orang sakit yang takut akan kesihatan dirinya.” (al-Mughni: 4/394)

Mengenai ibu hamil dan menyusukan anak seterusnya khuatir kesihatan dan keselamatan anaknya, maka dibolehkan berbuka puasa dan hal ini juga dikuatkan oleh perkataan Ibnu Abbas r.a yang bermaksud:

“Wanita hamil dan menyusui, jika takut terhadap anak-anaknya, maka mereka berbuka dan memberi makan seorang miskin.”

(HR. Abu Dawud, dishahihkan oleh Syaikh Al Bani dalam Irwa’ul Ghalil)

Beberapa jawapan Ibnu Umar r.a ketika ditanya tentang wanita hamil yang khuatir terhadap anaknya, beliau menjawab, “Hendaklah berbuka dan memberi makan seorang miskin setiap hari yang ditinggalkan.”

Berpandukan dua keterangan berikut, digabungkan untuk menyelesaikan masalah ibu yang risaukan kesihatan dirinya serta anaknya, iaitu wajib qadha puasa bagi ibu yang risaukan dirinya, manakala hadis kedua menyatakan jika risaukan kesihatan anak maka berbuka dan memberi makan. Jadi dapatlah disimpulkan bahawa wanita tersebut, perlu qadha puasa dan membayar fidyah.

CARA ‘MEMBAYAR’ PUASA

Puasa Qadha

Pastikan jumlah yang ditinggalkan (disebabkan uzur syar’ie), untuk mudah dan tidak lupa, tandakan waktu haid atau nifas sepanjang bulan Ramadhan pada kalendar. Puasa Qadha boleh dilakukan seawal 2 Syawal.

Puasa Qadha atau Puasa Sunat Syawwal Dahulu ?

Terdapat persoalan mengenai puasa Qadha dan puasa sunat Syawwal, adakah didahului puasa Qadha atau puasa sunat Syawwal. Maka jawapannya sudah pasti puasa Qadha, sebagaimana hadis Qudsi yang sohih:

“...dan tidaklah hampir kepadaku seorang hambaKu dengan apa juapun, maka yang lebih ku suka adalah mereka melaksanakan amalan fardhu/wajib ke atas mereka, dan sentiasalah mereka ingin menghampirkan diri mereka kepadaKu dengan mengerjakan amalan sunat sehinggaalah aku kasih kepadaKu...”

(Riwayat Al-Bukhari, no 6021)

Harus difahami bahawa, darjah puasa Qadha lebih tinggi kerana ia merupakan ‘hutang’ ibadah dengan Allah S.W.T berbanding puasa sunat Syawwal sebagai sunat tambahan pahala.

Gabung Puasa Qadha dan Puasa Sunat?

Menurut Dr. Zaharuddin Abd Rahman, tidak elok menggabungkan kedua-dua puasa bagi mereka yang mampu (dari sudut kesihatan tubuh dan lain-lain) untuk memisahkannya. Ini kerana menurut beliau tiada dalil yang spesifik membuktikan Nabi s.a.w. pernah melakukannya atau menganjurkannya kepada para sahabat untuk menggabungkannya. Demikian itu, terdapat juga hujah-hujah yang mempersoalkan penggabungan puasa Qadha dan puasa Sunat iaitu:

1. Menurut Prof. Dr Syeikh Abd Malik as-Sa’dy (ex-Lajnah Fatwa Iraq) dan Prof Dr Mohd ‘Uqlah el-Ibrahim (Jordan) mereka berpendapat bahawa amalan wajib tidak boleh digabungkan dengan apa-apa amalan wajib atau sunat lain, kerana amalan wajib memerlukan tumpuan khusus yang tidak berbelah bahagi semasa pelaksanaannya dan ia perlu bagi mengangkat tuntutan kewajibannya. Justeru, tindakan menggabungkan ini pasti mengurangkan kesempurnaan hamba dalam menunaikan tuntutan wajib mereka.

2. Jika seseorang mengatakan boleh gabung puasa qadha (yang wajib) dengan puasa Syawal (yang sunat) maka sudah tentu selepas ini timbul pula individu yang cuba menggabungkan solat wajib dengan solat sunat, seperti gabungan solat isyak dengan terawih, atau subuh dengan ‘tahiyyatul masjid’ atau dengan solat sunat fajar, atau solat jumaat dengan solat sunat ‘tahiyyatul masjid’. Maka ini pasti menyebabkan masalah lain timbul dalam ibadah wajib termasuk rekaan-rekaan pelik seperti solat fardhu subuh campur istikharah dan lain-lain. Oleh itu, adalah lebih baik mendahului yang wajib barulah disusuli yang sunat.

Makan bagi yang dibenarkan berbuka.

Wanita yang tidak boleh berpuasa dibenarkan makan tetapi mestilah dalam keadaan tersemburi dan adalah lebih baik tanpa pengetahuan orang lain termasuk keluarga sendiri. Adalah zalim sekiranya tidak membenarkan makan bagi yang berhak.

Fidyah

Maksud Fidyah ialah satu cupak makanan asasi tempatan yang disedekahkan kepada fakir miskin mewakili satu hari yang tertinggal puasa Ramadhan padanya. Makanan asasi masyarakat Malaysia adalah beras, maka wajib menyedekahkan secupak beras kepada fakir miskin bagi mewakili sehari puasa. Ukuran secupak beras secara lebih kurang sebanyak 670gram. Contohnya sipulan telah meninggalkan puasanya sebanyak 5 hari, maka dia wajib membayar Fidyahnya sebanyak 5 cupak beras kepada fakir miskin. Firman Allah yang bermaksud :

“(Puasa Yang Diwajibkan itu ialah beberapa hari Yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu Yang sakit, atau Dalam musafir; (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari Yang dibuka) itu pada hari-hari Yang lain; dan wajib atas orang-orang Yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar Fidyah Iaitu memberi makan orang miskin. maka sesiapa Yang Dengan sukarela memberikan (bayaran Fidyah) lebih dari Yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (Walau pun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu daripada memberi Fidyah), kalau kamu mengetahuai.”

(Al-Baqarah : 184)

Fidyah dikenakan kepada orang yang tidak mampu berpuasa dan memang tidak boleh berpuasa lagi. Maka dengan itu Islam telah memberikan keringanan (rukshoh) kepada mereka yang tidak boleh berpuasa dengan cara membayar Fidyah iaitu memberikan secupak beras kepada orang fakir miskin. Begitu juga kepada orang yang meninggalkan puasa dan tidak mengantikannya sehingga menjelang puasa Ramadhan kembali (setahun), maka dengan itu mereka dikehendaki berpuasa dan juga wajib memberikan secupak beras kepada fakir miskin. Begitu juga pada tahun seterusnya. Fidyah akan naik setiap tahun selagi mana orang tersebut tidak mengantikannya puasanya.

Ibadah Wanita, Haid dan Nifas Di Bulan Ramadhan

Seperti yang dimaklumi, bulan Ramadhan adalah bulan yang penuh dengan keberkatan, oleh itu setiap manusia yang menghayatinya akan berebut-rebut untuk tidak melepas peluang beribadat di dalamnya seperti tilawah dan tadarus al-Quran, solat tarawikh, qiamullail dan berbagai amalan lagi. Namun, bagi wanita yang didatangi haid dan nifas, mereka agak sedih kerana tidak dapat menggunakan waktu tersebut dengan seperuhnya. Jangan sedih dulu, sebab orang yang haid dan nifas adalah ketetapan dari Allah S.W.T dan semua yang datang daripada Allah S.W.T ada hikmahnya.

Sepertimana yang disabdarkan oleh Rasulullah s.a.w kepada Saidatina Aisyah r.a semasa dia dalam kedatangan haid semasa mengerjakan haji (dalam ihram). “Berkata Saidatina Aishah r.a, Rasulullah s.a.w datang kepadaku sedang aku menanggis, lalu baginda bertanya: “Kenapa kamu menangis? Adakah kamu kedadangan haid? Aku menjawab: “Ya”, baginda menegaskan bahawa ini perkara yang Allah S.W.T tetapkan ke atas wanita”

(Riwayat Bukhari).

Adalah diingatkan bahawa, walaupun didatangi haid dan nifas, jangan jadikan ia sebagai alasan untuk tidak beribadat terus di bulan Ramadhan kerana khuatir nanti apabila telah suci dari haid dan nifas nanti rasa lemah untuk melakukan ibadat. Oleh itu sebagai panduan boleh di amalkan beberapa amalan antaranya:

- Mendengar bacaan al-Quran melalui radio atau televisyen dan seumpamanya.
- Membaca dan memahami ayat al-Quran dari kitab tafsir
- Perbanyakkan berzikir, selawat dan berdoa sepanjang waktu dan tempat.
- Mendengar ceramah-ceramah serta tazkirah melalui media radio atau televisyen.
- Membaca doa selepas mendengar azan.
- Memberi nasihat kepada ahli keluarga supaya mengingati Allah S.W.T, mengingatkan untuk menunaikan solat fardhu dan juga solat-solat sunat seperti dhuha, terawikh, tahajud dan witir.

Selain itu, tugas-tugas harian juga dikira ibadat sekiranya melakukan dengan ikhlas. Antara lainnya :

- Menyediakan juadah bersahur dan berbuka puasa. Seperti sabda Baginda s.a.w yang bermaksud:

“Barangsiapa yang memberi makan berbuka bagi orang yang berpuasa, maka baginya pahala yang seperti orang yang berpuasa tersebut tanpa mengurangi pahala orang yang berpuasa tersebut sedikit pun.”

(Hadis Tirmidzi, Ahmad & An-Nasa'i)

- Menghulurkan juadah kepada jiran-jiran atau surau-surau berdekatan. Sabda Baginda s.a.w yang bermaksud :

“Seorang mukmin yang memberi makan mukmin yang lapar, kelak Allah akan memberi makan kepadanya daripada buah-buahan syurga, dan barang siapa yang memberi minum seorang mukmin, maka kelak Allah akan memberi air minum dari syurga”

(Hadis Tirmidzi)

- Mengejutkan ahli keluarga untuk bersahur.

Kesimpulannya, setiap wanita tidak dibezakan atau dipisahkan daripada mendapat ganjarannya sama ada dalam keadaan haid dan nifas ataupun suci. Ini kerana Allah menjadikan ciptaanNya penuh dengan Rahmat dan ianya boleh dicapai dengan mengamalkan perkara ma'ruf (kebaikan) dan meninggalkan perkara munkar (larangan). Semoga Ramadhan pada kali ini, kita dapat melaluinya dengan penuh hikmah dan nikmat walau dalam apa keadaan sekalipun.

SOLAT TARAWIHKH DAN PELAKSANAANNYA



Kadang-kala perkara ini sering kali kedengaran kerana selisih faham dan masing-masing cuba untuk menunjukkan bahawa mereka adalah benar dan mendapat hidayah daripada Allah S.W.T akan tetapi lupakah kita bahawa Islam menganjurkan kita agar sentiasa memperkuuhkan ikatan persaudaraan sesama kita. Bertepatan dengan kedatangan bulan yang sering dinanti-nantikan oleh orang yang beriman iaitu bulan Ramadhan, kita akan membincangkan bagaimana dan berapakah rakaat solat Tarawikh yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w serta perbincangan diantara ulama'-ulama' fiqh.

Tidak dinafikan bahawa menghidupkan malam-malam Ramadhan dengan amalan-amalan ibadah adalah satu perkara yang sangat-sangat dituntut (sunat muakkad) dalam Islam. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبٍ.

Maksudnya: "Sesiapa bersolat pada malam Ramadhan kerana iman (yang teguh) dan mengharapkan ganjaran (daripada Allah), diampunkan dosa-dosanya yang telah lepas".

(Riwayat Muslim, Kitab Sholaatil Musaafiriin wa Qashruhaa, no: 759)

Daripada hadith ini dapat kita simpulkan bahawa dengan kedatangan bulan Ramadhan yang penuh berkat ini, Apabila kita menghidupkan malam-malamnya dengan penuh pengharapan dan penuh keimanan kepada Allah S.W.T maka ganjaran pengampunan daripada Allah S.W.T yang akan kita peroleh.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Tarawikh atau dengan bahasa lebih tepat ialah Qiyyam Ramadhan adalah satu ibadah yang khusus dilakukan pada bulan Ramadhan bertujuan untuk menghidupkan malam-malam Ramadhan dengan ibadah. Waktu-waktu yang digalakkan untuk menghidupkan malam-malam Ramadhan adalah pada sepertiga malam. Anjuran ini adalah berdasarkan kepada hadith Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

يَنْزُلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلُّ لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاوَاتِ الدُّنْيَا حِينَ يَبْقَى ثُلُثُ اللَّيْلِ الْآخِرُ ، يَقُولُ: مَنْ يَدْعُونِي فَأَسْتَجِيبْ لَهُ مَنْ يَسْأَلُنِي فَأَعْطِيهِ مَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرْ لَهُ.

Maksudnya: "Allah S.W.T turun pada setiap malam ke langit dunia ketika tersisa sepertiga malam yang akhir. Allah berfirman: Siapa yang berdoa kepada-Ku, nescaya Aku akan mengabulkannya; siapa yang meminta kepada-Ku, nescaya Aku akan memberinya; siapa yang memohon ampun kepada-Ku, nescaya Aku akan mengampunnya".

(Riwayat al-Bukhari, Kitab at-Tahajjud, no: 1145).

Selanjutnya Rasulullah s.a.w telah bersabda yang berbunyi :

أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الرَّبُّ مِنَ الْعَبْدِ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ الْآخِرِ فَإِنْ أَسْتَطَعْتَ أَنْ تَكُونَ مِمْنَ يَذْكُرُ اللَّهَ فِي تِلْكَ السَّاعَةِ فَكُنْ.

Maksudnya: "Saat yang paling dekat di antara Allah dan hamba-Nya adalah di tengah malam terakhir, apabila kamu boleh menjadi sebahagian daripada mereka yang mengingati Allah pada saat itu maka lakukanlah".

(Riwayat al-Tirmidzi, Kitab al-Da'waat, no: 3503.)

Bersandarkan kepada hadith tersebut dapat kita fahami waktu yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w untuk bermunajat kepada Allah S.W.T adalah pada sepertiga malam.

BERAPAKAH BILANGAN SOLAT TARAWIKH

Dalam menentukan berapakah jumlah rakaat solat tarawikh, para Ulama' mempunyai pelbagai pendapat. Agama Islam adalah satu agama yang mudah dan tidak membebarkan umatnya. Ada beberapa pendapat yang masyhur dalam menerangkan tentang jumlah rakaat tarawikh ini antaranya ialah:

- 1- Pendapat pertama mengatakan bahawa jumlah rakaat solat Tarawikh adalah lapan (8) rakaat.
- 2- Pendapat kedua mengatakan bahawa jumlah rakaat solat tarawikh adalah sebanyak dua puluh (20) rakaat.
- 3- Pendapat ketiga mengatakan bahawa tarawikh sebanyak tiga puluh enam (36) rakaat.

Pendapat Pertama

Pendapat ini mengatakan bahawa jumlah rakaat tarawikh adalah sebanyak 11 rakaat yang mana ianya adalah sebanyak 8 rakaat dengan salam setiap selesai dua rakaat, lalu berwitrir dengan satu rakaat.

(Riwayat Muslim, Kitab Sholaatil Musaafiriin wa Qashruhaa, no: 736)

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي بِاللَّيْلِ إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً يُوتَرُ مِنْهَا بِوَاحِدَةٍ.

Maksudnya: "Bahaha Rasulullah s.a.w solat malam di waktu setelah selesai Isyak sampai terbit fajar sebanyak sebelas rakaat dengan salam setiap selesai dua rakaat, lalu berwitrir dengan satu rakaat".

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي مِنَ اللَّيْلِ ثَلَاثَ عَشْرَةَ رَكْعَةً مِنْهَا الْوَثْرُ وَرَكْعَتَانِ الْفَجْرِ.

Maksudnya: "Nabi s.a.w biasa solat di malam hari tiga belas rakaat termasuk witrir, dan dua rakaat solat fajar (sunat Qabliyah Subuh)".

(Riwayat al-Bukhari, Kitab at-Tahajjud, no: 1140)

Abu Salamah r.a pernah bertanya kepada 'Aishah r.ha tentang solat malam Rasulullah s.a.w pada bulan Ramadan. Maka 'Aishah r.ha menjawab:

مَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَرِيدُ فِي رَمَضَانَ وَلَا فِي غَيْرِهِ عَلَى إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً. يُصَلِّي أَرْبَعًا فَلَا تَسْأَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ. ثُمَّ يُصَلِّي أَرْبَعًا فَلَا تَسْأَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ. ثُمَّ يُصَلِّي ثَلَاثًا.

Maksudnya: "Rasulullah s.a.w tidak menambah pada bulan Ramadan dan tidak pula pada bulan-bulan lainnya, melebihi sebelas rakaat; baginda solat empat rakaat, jangan kamu persoalkan akan kebagusannya dan panjangnya. Kemudian baginda solat empat rakaat lagi, jangan kamu persoalkan akan kebagusannya dan panjangnya. Kemudian baginda s.a.w solat tiga rakaat (witrir)".

Berdasarkan kepada hadith yang terakhir dapat kita simpulkan bahawa qiyam ramadhan yang biasa diamalkan oleh Rasulullah s.a.w adalah sebanyak 11 rakaat. Selain itu, hadith ini juga menjadi dalil dan bukti bahawa boleh bertarawikh dengan empat rakaat empat rakaat seperti mana solat fardhu diamalkan.

Pendapat Kedua

Pendapat ini mengatakan bahawa para ulama mengatakan bahawa solat tarawikh dilakukan dengan jumlah 20 rakaat. Antara dalil yang mengatakan bahawa solat tarawikh boleh dibuat sebanyak 20 rakaat ialah :

- 1 - Al-Baihaqi dalam sunannya meriwayatkan dengan sanad yang sahih sebagaimana disebutkan oleh Zainuddin al-'Iraqi dalam syarah al-Taqrir dari sa'ib bin Yazid katanya yang berbunyi :

كَانُوا يَقُومُونَ عَلَى عَهْدِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ بِعِشْرِينَ رَكْعَةً

Maksudnya : "Adalah para sahabat telah mendirikan solat Tarawikh pada zaman 'Umar bin al-Khattab sebanyak 20 rakaat".

(Riwayat al-Baihaqi)

2 - Al-Baihaqi dalam as-Sunan dan al-Firyabi dalam Bab as-Siyam meriwayatkan bahawa di zaman khalifah Umar r.a di bulan Ramadan solat tarawih dilakukan sebanyak 20 rakaat. (Riwayat ini disahkan oleh Imam Nawawi, al-Zaila'i, al-Aini, Ibn al-Iraqi, as-Subki, as-Suyuthi dan yang lain-lain)

3 - Selain itu kita dapat dalam riwayat yang diriwayatkan oleh Yazid bin Ruman yang mana merupakan maula sahabat Zubair bin al-Awwam yang mana beliau mengatakan bahawa masyarakat Madinah pada zaman Sayyidina Umar telah melakukan qiyam Ramadhan atau tarawikh sebanyak 23 Rakaat. Yazid bin Ruman merupakan seorang ahli al-Quran di madinah yang thiqah dan dipercayai. (Riwayat Malik, al-Firyabi, Ibn Nasr dan al-Baihaqi)

Pendapat Ketiga

Pendapat ketiga ini mengatakan bahawa qiyam Ramadhan boleh dilakukan lebih daripada 11 rakaat dan 21 rakaat. Ini adalah berdasarkan apa yang dijadikan hujah:

1 - Daud Ibn Qais pula berkata, "Saya mendapati orang-orang di Madinah pada masa pemerintahan Aban ibn Uthman ibn Affan al-Umawi (iaitu Amir Madinah, wafat pada tahun 105 H) dan di era pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz melakukan qiyam Ramadhan sebanyak 36 rakaat ditambah dengan 3 witir." (Fathul Bari 4/253)

2 - Selain daripada itu, kita dapat pengakuan yang dinyatakan oleh Imam Syafi'e r.a yang mana beliau menyaksikan bahawa perbezaan solat diantara ahli Makkah dan ahli Madinah yang mana ianya berbeza pada rakaat. Imam al-Syafi'e berkata: "Saya menjumpai orang-orang di Mekah bersolat 23 rakaat dan saya melihat penduduk Madinah bersolat 39 rakaat dan tidak ada masalah sedikit pun tentang hal itu." (Sunan Tirmizi 151; Fath al-Aziz 4/266; Fathul Bari 4/23)

Apabila kita lihat kepada tiga perbahasan tersebut, kesemuanya mempunyai dalil-dalil tersendiri yang mengukuhkan hujah mereka. Justeru itu, bagi mengelakkkan daripada terjadinya perkara salah menyalah sesama kita dalam menentukan berapakah rakaat qiyam ramadhan mari kita lihat kepada apa yang dinaqalkan oleh Syeikh al-Islam Ibnu Taymiyah r.a di dalam kitabnya Majmu' al-Fatawa pada jilid 22, halaman 272 yang berkaitan isu rakaat tarawikh ini :

“Sesungguhnya tentang solat Qiyam al-Ramadhan (solat Tarawih), Nabi shallallahu 'alaihi wasallam tidak menentukan jumlah rakaatnya, malah baginda sendiri melaksanakannya tidak lebih daripada tiga belas rakaat sama ada pada bulan Ramadan atau selainnya. Ini baginda laksanakan dengan memanjangkan rakaatnya. Apabila 'Umar (radhiallahu 'anh) mengumpulkan orang-orang untuk berjemaah (mengerjakan solat Tarawih) dengan diimamkan oleh Ubay bin Ka'ab (radhiallahu 'anh), dia melaksanakannya bersama mereka sebanyak dua puluh rakaat kemudian diikuti Solat Witir tiga rakaat. Ini beliau lakukan dengan meringankan bacaan al-Qur'an selari dengan kadar penambahan rakaat supaya ia meringankan berbanding solat satu rakaat dengan dipanjangkan rakaatnya. Setelah itu sekumpulan dari generasi salaf melaksanakan solat (Tarawih) secara empat puluh rakaat dan solat Witir tiga rakaat manakala selainnya dengan tiga puluh enam rakaat dan tiga rakaat witir. Semua ini telah berlaku dan

dengan itu, sesiapa sahaja yang beribadah pada malam Ramadhan dengan apa sahaja jumlah rakaat, maka dia (dikira) telah berbuat kebaikan. Apa yang utama adalah perbezaan jumlah rakaat dikira berdasarkan kepada beragamnya keadaan orang-orang yang mengerjakan solat tersebut. Jika keadaan mereka memungkinkan dilaksanakan solat (Tarawih) dengan lama, maka adalah lebih af'dhal melaksanakan solat (Tarawih) dengan sepuluh rakaat dan tiga Witir sebagaimana yang dilakukan sendiri oleh Nabi (shallallahu 'alaihi wasallam) dan selainnya. Akan tetapi apabila tidak mungkin melaksanakan sedemikian, maka melaksanakan solat (Tarawih) dengan dua puluh rakaat adalah lebih af'dhal dan itulah yang dilakukan oleh majoriti umat Islam kerana yang demikian itu adalah dipertengahan antara sepuluh rakaat dan empat puluh rakaat. Dan jika dilaksanakan solat (Tarawih) dengan empat puluh rakaat atau selainnya maka itu diperbolehkan dan tidak dimakruhkan sama sekali. Hal ini ditegaskan oleh lebih daripada seorang daripada kalangan para Imam seperti Imam Ahmad (bin Hanbal) dan selainnya. Malah sesiapa yang beranggapan bahwasanya solat Qiyam al-Ramadhan (Solat Tarawih) mempunyai ketentuan jumlah rakaatnya daripada Nabi (shallallahu 'alaihi wasallam) tanpa boleh ditambah atau dikurangi daripadanya, maka sungguh dia telah membuat suatu kesilapan.

– (Dimukil dari buku tulisan Hafiz Firdaus Abdullah, Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa, ms. 87-88).

Setelah kita teliti apa yang dinyatakan oleh Syeikh al-Islam kita dapat bahawa Islam merupakan agama yang mudah dan tidak memberi kepayahan kepada ummatnya. Dengan itu, ketentuan pada rakaat solat itu tidaklah ditentukan secara mutlak. Qiyam Ramadhan adalah mengikut kepada kemampuan seseorang itu. Pendeknya rakaat tarawikh itu dilakukan adalah kerana surah yang dibaca adalah surah yang panjang dan panjangnya rakaat yang dilakukan adalah kerana pendeknya surah yang dibaca.

Antara ulama yang memberi komentar mengenai rakaat tarawikh ini adalah imam Ibn Hibban (354H) yang mana beliau menyatakan bahawa: "Sesungguhnya tarawih itu pada mulanya adalah 11 rakaat dengan bacaan yang sangat panjang sehingga memberatkan mereka. Kemudian mereka meringankan bacaan dan menambah bilangan rakaatnya menjadi 23 rakaat dengan bacaan yang sedang. Setelah itu mereka meringankan lagi bacaan dan menjadikan tarawih 36 rakaat tanpa witir."

(Fiqhus Sunnah, 1/174)

Hal ini dipersetujui oleh al-Hafiz Ibn Hajar. Beliau berkata: "Hal tersebut dapat difahami sebagai suasana yang sesuai dengan situasi serta keadaan manusia. Kadang-kadang yang sesuai ialah 11 rakaat, atau 21, atau 23 rakaat, bergantung pada persiapan dan kesanggupan mereka. Kalau dilakukan 11 rakaat, mereka boleh memanjangkan bacaan. Jika 23 rakaat, mereka boleh meringankan bacaan supaya tidak membebankan jemaah."

(Fathul Bari 4/253)

Kesimpulan

Qiyam Ramadhan merupakan satu ibadah yang khusus dilakukan dalam bulan Ramadhan bertujuan untuk mencari keredhaan Allah S.W.T dan mengumpulkan sebanyak mungkin amalan dan bekalan akhirat kerana padanya dijanjikan berlipat kali ganda ganjaran dan pahala. Melalui perbahasan yang telah dinyatakan dapatlah kita rumuskan bahawa rakaat dan bilangan qiyam Ramadhan adalah tertumpu kepada keupayaan individu sama ada 11 mahupun 21 ataupun lebih daripada itu. kita sebagai golongan cerdik pandai tidak sepatutnya cepat melatah apabila dicuit dengan perbahasan-perbahasan furu' dan tidak saling salah menyalahkan dengan menuduh dan melabel seseorang dengan pemikiran tertentu. Ini kerana, Rakaat tarawikh adalah fleksibel dengan mengikut kemampuan individu samada 11 mahupun 21 dan sumber kedua-duanya adalah sahih dan pernah dilakukan oleh para sahabat. Akan tetapi perlu kita akui bahawa melaksanakan apa yang dilakukan dan dibawa oleh Rasulullah s.a.w adalah terlebih baik dan sesuai dengan sunnah Rasulullah s.a.w . Ini berdasarkan kepada hadith-hadith dan dalil-dalil yang telah kita datangkan pada perbahasan di atas.

Selain itu, Imam Malik r.a telah berkata “ Yang aku pilih untuk aku melakukan qiyam Ramadhan ialah solat yang diperintahkan oleh Sayyidina Umar al-Khattab r.a iaitu sebanyak 11 rakaat dan itulah sifat Solat Nabi s.aw. 11 rakaat adalah dekat dengan 13 rakaat” (al-Hawadith, 141)


Tetapi awas, sikap fanatik dengan pendapat bahawa 11 rakaat sahaja dalam qiyam Ramadhan adalah dilarang dalam Islam kerana kita telah bawakan dalil-dalil dan pendapat yang mengatakan bahawa adanya solat tarawikh yang melebihi daripada 11 rakaat bahkan melebihi daripada itu. Perlu kita sedar bahawa apa yang dicari dalam ibadah adalah keikhlasan dan khusyuk di dalam solat. Apa guna sekiranya kita solat sehingga 100 rakaat tetapi hanya riak yang menghias diri. Apa guna kita solat sehingga pecah tumit tetapi untuk ditatap oleh orang ramai dan mendapat nama dengan mengatakan bahawa kita adalah seulim-alim manusia.

Justeru itu, sebagai mengakhiri penulisan pada kali ini saya bawakan tulisan Sheikh Abdul Aziz bin Bazz pada menyelesaikan permasalahan rakaat tarawikh ini. Mudah-mudahan kita mampu berfikir mengenainya dan menumpukan kepada pembangunan sahsiah ummat dan berjaya menjadi ummat yang cemerlang didunia dan akhirat.

Sheikh Abdul Aziz bin Bazz menyatakan bahawa “Antara perkara yang menjadi kesamaran bagi sebahagian orang ialah berhubung solat tarawih. Sebahagian mereka mengatakan bahawa tarawih tidak boleh kurang daripada 20 rakaat. Sebahagian yang lain mengatakan bahawa tarawih tidak boleh lebih daripada 11 rakaat atau 13 rakaat.



Solat Tarawikh Dan Kaedah Perlaksanannya
Oleh:
Ustaz Muhammad Iskandar Shah
Bin Ab Ahmid





ZAKAT FITRAH

Zakat dari segi bahasa bererti "bersih", "suci", "subur", "berkat" dan "berkembang". Pengertian "bersih" dan "suci" dalam istilah zakat ialah membersihkan harta dan membersihkan diri orang kaya daripada bersifat kedekut dan bakhil. Dalam erti yang lain ialah membersihkan diri daripada sifat dengki dan dendam terhadap orang kaya.

Zakat dari segi syarak pula ialah mengeluarkan sebahagian harta tertentu diberikan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerima setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.

Hikmah Disyariatkan Zakat

Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang kelima. Antara hikmah dan tujuan Allah S.W.T S.W.T mensyariatkan zakat ialah:

- Mengagihkan sebahagian kecil kekayaan daripada golongan yang berada kepada golongan yang kurang berada.
- Membersihkan diri pembayar zakat.
- Membersihkan dan menyuburkan harta pembayar zakat.
- Mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T S.W.T di kalangan golongan yang berada.
- Mengurangkan perasaan irahati di kalangan yang kurang bernasib baik.

- Mewujudkan perhubungan antara hamba dengan Allah S.W.T S.W.T di samping perhubungan antara manusia dengan manusia.
- Memberi peluang kepada golongan hartawan untuk beribadat dalam bentuk mengeluarkan zakat daripada harta mereka.
- Mewujudkan kesatuan di kalangan masyarakat Islam dalam urusan ekonomi dan kewangan.
- Memberi masyarakat satu cara mengurus ekonomi dan kewangan yang diredhai oleh Allah S.W.T S.W.T.
- Melahirkan rasa tenang dan tenteram dalam hati dan jiwa pembayar zakat.

Pengertian Zakat Fitrah

Zakat Fitrah ialah zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

Syarat Wajib Zakat

Orang Islam yang wajib mengeluarkan Zakat Fitrah untuk diri dan keluarga atau tanggungannya ialah:

- Individu yang mempunyai lebihan makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.
- Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan ramadhan dan hidup selepas terbenam matahari.
- Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan ramadhan dan berkekalan Islamnya.
- Seseorang yang meninggal selepas terbenam matahari akhir ramadhan.

Zakat:

SIAPA YANG LAYAK TERIMA?

Sesungguhnya tidak layak menerima zakat kecuali orang Islam, kerana zakat adalah urusan ibadat. Sedangkan orang tidak Islam dianggap derhaka kepada Allah S.W.T. Orang yang mengeluarkan zakat bererti sanggup korbankan harta yang disayangi, kepada orang disayangi Allah S.W.T. iaitu dari kalangan orang Islam juga. Hanya orang Islam mempunyai sifat dengan sifat asnaf lapan, layak dan berhak terima zakat. Semuanya seperti dinyatakan di dalam al-quran surah at-taubah ayat 60.

Pertama : golongan "al-fuqara"

Iaitu orang Islam yang tiada mempunyai harta serta tiada upaya untuk bekerja. Allah S.W.T S.W.T meletakkan "golongan fakir" di tempat pertama untuk diberi zakat, sebagai golongan yang mesti diberi keutamaan dalam memberi zakat. Jika ada makanan dan pakaian untuk dipakai pada hari ini, mereka sudah terkeluar dari takrif "fakir" tetapi ia tergolong dari golongan miskin. Tetapi jika makanan mencukupi untuk setengah hari sahaja, maka ia tergolong fakir.

Andainya dia hanya mempunyai baju sehelai tanpa seluar dan kasut, baju yang sehelai itu dijual tidak juga dapat menampung keperluan setengah hari, jelaslah dia seorang fakir. Tetapi kalau mengikut keadaan sekarang hampir tiada fakir di atas muka dunia ini, namun lantaran Islam itu "syumul" maka golongan fakir dibincangkan juga untuk melengkapkan perbahasan.

Sesiapa yang boleh melakukan pekerjaan, maka keupayaan untuk melakukan kerja itu menyebabkan dia terkeluar daripada senarai fakir.

Sekiranya seseorang itu menuntut ilmu Islam dengan tujuan untuk mengetahui, bukan hanya sekadar duduk sahaja didalam rumah.

Lantaran, masa telah disibukkan dengan belajar dia tidak dapat melakukan pekerjaan cari rezeki, jika dia bekerja bererti masa belajarnya terganggu. Kedudukan golongan tersebut dalam kategori fakir juga, dan orang tidak boleh mengambil kira kedudukan upaya bekerja, kerana masanya telah terikat dengan tugas menuntut ilmu. Sekiranya seseorang di kalangan penuntut ilmu semata - mata untuk beribadat, tidak usah di beri harta zakat kepadanya. Aga-

ma menasihat orang seperti itu bekerja untuk menyara diri. Kerana bekerja lebih diutamakan dari makan harta zakat.

Kedua: golongan "al-masakin".

Iaitu orang yang pendapatanya tidak dapat menampung keperluan harianya. Seseorang mempunyai wang seribu dirham, kadang kala masih dikira miskin, selagi wang tersebut tidak dapat menampung keperluan harian. Tetapi berbeza dengan seorang mempunyai seutas tali dan sebilah kapak, dalam Islam Islam orang itu boleh dikategori sebagai kaya. Kerana dengan sebilah kapak dan seutas tali dia dapat mencari kayu di hutan, boleh dijual dan hasilnya kadang kala melebihi keperluan harian keluarganya. Kekurangan duit di tangan bukan semata mata menjadi ukuran, sebaliknya keupayaan untuk berusaha menyara keluarga sehari-hari, boleh menyebabkan terkeluar dari senarai fakir dan miskin. Bahkan dia boleh dianggap kaya, hilang kelayakan untuk menerima harta zakat dari asnaf fakir miskin. Masih dikira miskin seoang yang mempunyai gobok (duairah) tempat keluarga berteduh serta mempunyai pakaian pada tubuh, begitu juga mempunyai perkakas rumah dan kitab fiqh sekadar yang diperlukan.

Ketiga: golongan "al - mualaf".

Iaitu orang yang dikenakan hatinya dengan Islam, iaitu orang yang baik hati dan taat dikalangan kaumnya. Meskipun dia seorang yang kaya raya tetapi disebabkan memeluk Islam mereka mempunyai hak untuk menerima zakat. Apabila diberi harta zakat boleh mematapkan dia dalam Islam, boleh mencetuskan rasa keinginan di hati kawan tauannya untuk memeluk Islam.

Kelima: golongan "al - ar-riqab"

Iaitu hamba abdi. Kewujudan hamba ekoran daripada kekalahan dalam perang. Orang yang di tawan di anggap hamba. [sekarang hamba tidak wujud lagi].

Keenam: golongan "al-gharimun"

Iaitu orang yang menanggung hutang, ialah orang berhutang untuk taat pada Allah S.W.T S.W.T atau berhutang untuk perkara harus dalam keadaan dia berhajat tetapi dalam keadaan fakir. Sekiranya berhutang dalam perkara maksiat kepada Allah S.W.T S.W.T, maka tidak boleh diberi zakat kecuali dia bertaubat. Sekiranya dia berhutang dalam keadaan dia kaya, tidak boleh diberi

zakat kecuali dia berhutang untuk masyarakat agama dan memadamkan fitnah yang berlaku dalam masyarakat.

Ketujuh: golongan yang terlibat dengan peperangan menentang musuh Islam.

Kepada mereka boleh diberi satu saham harta zakat sekalipun dia kaya raya, kerana dia terlibat dengan perang penting menentang musuh Islam. Antara Mufassirin ada yang berpendapat: pada jalan Allah S.W.T itu mencakupi kepentingan umum seperti seperti mendirikan sekolah , rumah sakit dan lain lain lagi.

Kelapan: golongan "ibnu sabil"

Iaitu orang yang keluar daripada kampung bukan tujuan untuk melakukan maksiat. Misalnya orang keluar negeri untuk mencari pekerjaan, bekerja cari rezeki itu ada kalanya menjadi wajib atau sekurang-kurangnya harus.

Kedudukan Zakat Fitrah

Sebagaimana yang dijelaskan Syaikhul Islam Ibn Taimiyah, pendapat yang lebih tepat dalam masalah ini adalah bahwasanya Zakat Fitrah itu mengikuti prosedur kaffarah. Kerana Zakat Fitrah adalah zakat badan dan bukan harta. Di antara dalil yang menunjukkan bahawa Zakat Fitrah adalah zakat badan dan bukan harta adalah pernyataan Ibn Abbas dan Ibn Umar r.a tentang Zakat Fitrah:

Ibn Umar r.a mengatakan: "Rasulullah s.a.w mewajibkan Zakat Fitrah, Bagi kaum muslimin, hamba maupun orang merdeka, laki-laki maupun wanita, anak kecil maupun orang dewasa"

(HR. Al bukhari)

Ibn Abbas r.a mengatakan: "Rasulullah s.a.w mewajibkan Zakat Fitrah, sebagai penyuci orang yang berpuasa dari perbuatan yang menggugurkan pahala puasa & perbuatan atau ucapan yang buruk"

(HR. Abu Daud & dihasankan Syaikh al- Albani)

Dua riwayat ini menunjukkan bahwasanya Zakat Fitrah statusnya adalah zakat badan dan bukan zakat harta. Berikut adalah beberapa alasannya:

1. Adanya kewajiban zakat bagi anak-anak, hamba, dan wanita. Padahal mereka adalah orang-orang yang umumnya

tidak memiliki harta. Terutama hamba, jasad dan hartanya semuanya adalah milik tuannya. Jika Zakat Fitrah merupakan kewajipan kerana harta maka tidak mungkin orang yang sama sekali tidak memiliki harta diwajibkan untuk dikeluarkan zakatnya.

2. Salah satu fungsi zakat adalah penyuci orang yang berpuasa dari perbuatan yang menggugurkan pahala puasa & perbuatan atau ucapan buruk. Fungsi ini menunjukkan bahawa Zakat Fitrah statusnya sebagaimana kaffarah untuk kekurangan puasa seseorang.

Pandangan Ulama' Tentang Pembayaran Zakat Fitrah

Pendapat yang pertama: Pendapat yang membolehkan zakat dengan menggunakan wang.

Ada sebagian Ulama' yang memberikan pendapat membolehkan membayar Zakat Fitrah dengan menggunakan wang. Mereka diantaranya adalah Imam Abu Hanifah, Imam Tsauri, Imam Bukhari, dan Imam Ibnu Taimiyah. (As-Sarakhsi, al-Mabsuth, III/107; Ibnu Taimiyah, Majmu'al fatawa, XXV/83).

Dalil mereka antara lain firman Allah S.W.T yang ertiinya: "Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka." (Surah at-Taubah: 103).

Menurut mereka, ayat ini menunjukkan zakat asalnya diambil dari harta (mal) iaitu apa yang dimiliki berupa emas dan perak (termasuk wang). Jadi ayat ini membolehkan membayar Zakat Fitrah dalam bentuk wang. (Rabi' Ahmad Sayyid, Tadzkit al-Anam bi Wujub Ikhraj Zakat al-Fitr Tha'am, hal 4).

Mereka juga berhujah dengan sabda Nabi Muhammad s.a.w yang bermaksud: "Cukupilah mereka (kaum fakir dan miskin) dari meminta-minta pada hari seperti ini (Idul Fitri)". (H.R Daruquthni dan Baihaqi).

Menurut mereka, memberi kecukupan (ighna') kepada fakir miskin dalam Zakat Fitrah dapat terwujud dengan memberikan wang (Abdullah Al-Ghafili, Hukum Ikhraj al-Qimah fi Zakat al-Fitr, hal.3)

Pendapat yang kedua: Pendapat yang tidak membolehkan dan mewajibkan Zakat Fitrah dalam bentuk bahan makanan utama/asasi (ghalib quut al-balad)

Ini merupakan pendapat jumhur Ulama' Malikiyah, Syafi'iyah, dan Hanabilah. (AL-Mudawwanah al-Kubra, I/392; al-Majmu'; VI/112; Al-Mughni, IV/295).

Dalil mereka antara lain hadith Ibnu Umar r.a yang bermaksud: "Rasulullah s.a.w telah mewajibkan Zakat Fitrah berupa satu sha' kurma atau satu sha' (sya'ir) atas hamba dan orang merdeka, laki-laki dan perempuan, anak-anak dan orang dewasa, dari kaum muslimin." (H.R Bukhari, no 1503).

Hadith ini jelas menunjukkan Zakat Fitrah dikeluarkan dalam bentuk bahan makanan bukan dengan dinar dan dirham (wang), padahal dinar dan dirham sudah ada waktu itu. (Rabi' Ahmad Sayyid, Tadzkit al-Anam bi Wujub Ikhraj Zakat al-Fitr Tha'am, hal 9).

Dengan adanya perbezaan pendapat dalam masalah ini, maka diperlukan adanya tasammuh (saling toleransi) dan tafahum (saling memahami). Sehingga tidak mudah terjebak pada fanatisme golongan. Dalam masalah ini, sebagai orang awam (kebanyakan), kita boleh bertaqlid (mengikuti salah satu mazhab yang menjadi ikutan dan diterima oleh umat). Allah S.W.T tidak membebani kita di luar batas kemampuan yang kita miliki. Seperti firmanNya yang bermaksud: "Allah S.W.T tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya...." (Al Baqarah: 286).

Sesungguhnya masalah membayar Zakat Fitrah dengan wang sudah menjadi perbincangan para Ulama' Salaf, bukan hanya akhir-akhir ini saja. Imam Abu Hanifah, Hasan Al-Basri, Sufyan Ats-Tsauri, bahkan Umar bin Abdul Aziz sudah membin-cangkannya, mereka termasuk orang-orang yang menyetujuinya. Ulama' Hadith seperti Bukhari juga menyetujuinya, dengan dalil dan keterangan yang logik serta dapat diterima.

Sesungguhnya, pendapat ini sudah dilaksanakan pada generasi terbaik setelah generasi sahabat (salafus-soleh), iaitu generasi tabi'in yang mengikuti jejak para sahabat dengan baik. Praktik ini sudah dilaksanakan pada pemerintahan Khulafaur Rasyidin kelima iaitu Umar bin Abdul Aziz.

Kesimpulannya, adalah pada dasarnya membayar zakat dengan wang itu boleh, bahkan dalam keadaan tertentu lebih utama. Mungkin boleh jadi pada saat 'Idul Fitri jumlah makanan (beras) yang dimiliki para fakir miskin jumlahnya berlebihan. Kerana itu, mereka menjualnya untuk kepentingan lain. Dengan membayar zakat menggunakan wang, mereka tidak perlu bersusah payah menjualnya kembali yang mungkin nilainya menjadi lebih rendah. Dan dengan wang itu pula, mereka dapat membelanjakannya sebahagian untuk makanan, selebihnya untuk pakaian dan keperluan lainnya.



Zakat Fitrah
Oleh:
Ustaz Mohd Fauzee Bin Mohamed

Soalan-Soalan Lazim Berkaitan Bulan Ramadhan

Apabila tiba bulan Ramadhan, akan timbul permasalahan yang sering kali bermain di fikiran kita. Oleh itu, berikut adalah soalan-soalan lazim berkaitan puasa yang sering kali dibahaskan dan disoalkan.

1. Keuzuran-Keuzuran yang MENEGATT dari berpuasa ialah:

- a) Kedatangan haid atau nifas pada mana-mana waktu di siang hari bulan Ramadhan.
- b) Gila : seseorang yang menjadi gila pada mana-mana waktu di siang hari , maka batallah puasanya pada hari tersebut.
- c) Pengsan sepanjang hari penuh. Jika tersedar pada mana-mana waktu di siang hari, maka hilang keuzurannya dan ia wajib menahan diri (berpuasa) dalam waktu yang masih tinggal.

Adapun keuzuran-keuzuran yang MENGHARUSKAN berbuka ialah :

- a) Sakit yang menyebabkan mudarat yang besar atau kesakitan yang bersangatan jika berpuasa. Jika dibimbangi boleh membawa maut jika berpuasa, maka pada ketika itu wajib atasnya berbuka.
- b) Musafir yang jauh yang tidak kurang dari 2 marhalah iaitu sejauh 85 KM mengikut ukuran semasa. Ini dengan syarat musafir tersebut hendaklah kerana urusan yang diharuskan oleh syarak dan memakan masa masa sepanjang hari penuh. Jika di waktu pagi ia berpuasa kerana masih di mukim, kemudian di tengahari barulah ia bermusafir, mak tidak harus baginya berbuka.
- c) Tidak ada kemampuan untuk berpuasa kerana tua, sakit yang tiada harapan untuk sembuh, wanita hamil, wanita yang menyusukan anak dan sebagainya. Firman Allah SWT:

فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضٌ أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعَذَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ
أُخْرَ وَ عَلَى الَّذِينَ يَطْبِقُونَ فِدْيَةً طَعَمٌ بِشَكِّينٍ

"Maka sesiapa yang di antara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang ia berbuka itu) pada hari yang lain, dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin."

[surah al-Baqarah: 184]

2. Melafaz Niat Untuk Sebulan Sekaligus

Di sisi jumur ulama' (termasuklah ulama' mazhab Syafi'iie), niat puasa hendaklah dilakukan pada setiap malam. Tidak memadai niat sekaligus untuk keseluruhan bulan Ramadhan. Namun hal ini harus di sisi ulama' - ulama' mazhab Maliki di mana mereka berpandangan harus berniat pada malam pertama Ramadhan untuk berpuasa pada keseluruhan hari dalam bulan Ramadhan.

Walaupun bagaimanapun, para ulama' Syafi'iie menggalakkan juga meniatkan puasa sekaligus itu tetapi bukanlah untuk mengelak dari berniat pada setiap malam. Ia hanya sebagai langkah berhati-hati jika ditakdirkan terlupa niat pada mana-mana malam dari Ramadhan. Maka dengan adanya niat sekaligus itu, dapatlah dielakkan dari terbatal puasa iaitu dengan bertaklid kepada mazhab yang mengharuskan niat sekaligus itu, kesimpulannya niat puasa wajib dilakukan setiap malam. Adapun niat puasa sekaligus itu hanyalah sebagai langkah berhati-hati.

3. Apakah Hukum Bersahur Sebelum Berpuasa?

Bagi orang yang ingin berpuasa sama ada pusat wajib atau puasa sunat, disunatkan bersahur sebagai persediaan untuk berpuasa. Sabda Rasulullah s.a.w :

تَسْحَرُوا فَإِنَّ فِي السَّحُورِ بَرَكَةً

"Bersahurlah kerana dalam sahur itu ada barakah".
(H.R al-Bukhari Dan Muslim)

Pahala bersahur diperolehi dengan semata-mata makan atau minum walaupun seteguk air. Sabda Rasulullah s.a.w :

تَسْحَرُوا وَلَوْ بِجُرْعَةٍ نَاءٍ

"Bersahurlah walaupun seteguk air"
(HR Ibnu Hibban)

Walaupun bersahur bermula apabila sudah masuk tengah malam. Walau bagaimanapun disunatkan melambatkan bersahur sebelum terbitnya fajar. Ini berdasarkan hadis Nabi s.a.w:

لَا تَرَأَلْ أَنْتَ بِخَيْرٍ تَّا عَجَّلُوا الْأَقْطَارَ وَأَخْرَجُوا السَّحُورَ

"Sentiasa umatku berada dalam kebaikan selama mereka menyegerakan berbuka dan melambatkan bersahur"
(H.R Imam Ahmad)

4. Merasa Makanan

Merasa makanan tidaklah membatalkan puasa tetapi hukumnya makruh kecuali jika ada keperluan seperti tukang masak atau sebagainya. Namun setelah dirasa hendaklah diluhukan kerana jika tertelan masuk ke dalam kerongkong bersama air liur atau sebagainya maka batallah puasa.

5. Menyuntik Ubat Ke Dalam Urat Atau Badan.

Memasukkan atau menyuntik ubat ke dalam anggota-anggota badan yang lain dari rongga dalam badan tadi (kerongkong, perut, kepala dan sebagainya) seperti memasukkan ubat ke



paha yang luka; menyuntik ubat ke dalam urat badan dan sebagainya tidak membatalkan puasa.

Namun ada setengah ulama' semasa hari ini mengecualikannya dari suntikan makanan iaitu jika yang disuntik itu adalah bahan makanan seperti glukosa atau sebagainya, maka batallah puasa kerana ia mengambil kedudukan seperti makan atau minum.

Debu-debu jalan, jika debu jalan atau debu tepung, ketika sedang mengayaknya, masuk ke dalam kerongkong tanpa disengajakan tidaklah membatalkan puasa kerana hal ini sukar dielakkan. Namun jika sengaja membuka mulut lalu masuk debu tersebut maka batallah puasa.

6. Memberus Gigi

Memberus gigi atau bersiwak juga tidak akan membatalkan puasa. Ini kerana Rasulullah s.a.w menggalakkan pada setiap kali hendak mengambil wuduk tanpa mengecualikannya pada bulan Ramadan. Sabda rasulullah s.a.w yang bermaksud:

"Seandainya aku tidak memberatkanumatku, nescaya aku perintahkan mereka bersiwak pada setiap kali wuduk"
(HR: al-Bukhari)

Namun hendaklah berhati-hati agar ubat gigi atau sisa-sisa makanan di celah gigi tidak termasuk ke dalam kerongkong kerana ini boleh membatalkan puasa. Kerana itu adalah lebih afodal memberus gigi ini dilakukan sebelum fajar sebelum bermulanya puasa. Di samping itu, setengah ulama' memakruhkan bersugi selepas tergelincir matahari dari tengah langit iaitu selepas masuknya waktu zohor.

7. Sisa-Sisa Makanan Di Gigi

Hendaklah dilihat pada dua keadaan :

- Jika sisa-sisa makanan itu amat sedikit , sukar untuk dipisahkan dari air liur dan diludahkan, maka tidaklah membatalkan puasa jika tertelannya. Hukumnya sama seperti menelan air liur sendiri yang sukar untuk dielakkan.
- Adapun jika sisa-sisa makanan yang banyak, boleh dipisahkan dari air liur dan diludahkan, maka jika diluahkan tidaklah membatalkan puasa. Namun jika ditelan, maka akan batallah puasa.

8. Hukum Solat Tarawih

Hukum solat tarawih ialah sunat muakkad (sunat yang sangat dituntut) bagi orang Islam lelaki dan perempuan. Oleh kerana itu keadaannya menjadi penyempurnaan bagi ibadah puasa yang wajib dan memang banyak pahalanya. Mereka yang mengerjakan ibadah puasa tetapi tidak mengerjakan ibadah sunat tarawih pada malamnya, seolah-olah menjadi hambar dan tawar, berjaya tetapi tidak cemerlang. Sesungguhnya sangatlah rugi mereka yang berpuasa Ramadan tetapi tidak melengkapannya dengan ibadah solat sunat tarawih.

9. Mencium Isteri Di Siang Hari Bulan Ramadhan

Mencium isteri tidak membatalkan puasa. Rasulullah s.a.w pernah mencium isterinya pada siang hari di bulan Ramadan. Saidatina aisyah r.a menceritakan :

"Rasulullah s.a.w menciumku sedang ia berpuasa. Siapa di antara kamu yang berupaya mengawal keinginan dirinya sebagaimana Rasulullah s.a.w berupaya mengawalnya?"
(HR Muslim)

Ini menunjukkan bahawa perbuatan mencium isteri adalah harus dan tidak membatalkan puasa. Namun menurut ulama' keharusan ini adalah bagi orang yang mampu menahan syahwatnya. Adapun orang yang tidak mampu, maka ia dilarang mencium atau mengucup isterinya di siang hari di bulan Ramadan kerana membimbangi akan membawa kepada persetubuhan atau terkeluar mani yang akan membatalkan ibadah puasanya.

10. Bolehkah Kita mendapatkan rawatan gigi dalam bulan Ramadhan? Tidakkah terbatal puasa Kita?

Jawapan: Dalam majmuk al-fatawa Syeikhul Islam Ibn Taimiyyah, cabut gigi tidak membatalkan puasa, selagi mana air di dalam mulut tidak ditelan. Begitu juga jika melakukan dental filling (tampalan), scaling (cuci gigi) dsb.
(rujukan: سبعون مسألة في الصيام Syaikh Salih Munjid)

11. Apa hukumnya menerima ubat bius (local anaesthesia) semasa berpuasa?

Jawapan: Dbolehkan. (rujukan: Puasa, Hikmah dan Hukum - Syeikh Dr. Abdul Majid Aziz az-Zindani)

Rujukan lain: "Jika ia digunakan untuk mengurangkan demam, bius, pain killer dan apa juar tujuan asas perubatan, ia disepakati tidak membatalkan puasa."(Al-Qaradawi, hlm 100 ; 'Uqlah , hlm 226)

12. Apakah hukum berkumur-kumur dengan cecair Kumur, contohnya Listerine Ketika waktu berpuasa?

Jawapan: Menurut pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafie adalah harus berkumur membersihkan mulut atau bersugi sebelum masuk waktu Zohor dan selepas waktu Zohor hukumnya adalah makruh. Ini adalah berdasarkan sebuah hadith di mana Nabi s.a.w bersabda yang maksudnya : "Bau mulut orang yang berpuasa lebih harum di sisi Allah S.W.T dari bau kasturi."


Walaubagaimana pun Imam Nawawi berfatwa dengan tidak makruh membersihkan mulut sekalipun selepas masuk waktu Zohor kerana hadith tersebut bukan melarang membersihkan mulut, tetapi hanya menyatakan kelebihan orang yang berpuasa.

Atas pendapat Imam Nawawi ini tidaklah mengapa membersihkan mulut dengan ubat pencuci mulut atas orang yang sedang berpuasa. (Dijawab oleh Ustaz Azhar Idrus dengan rujukan beliau Kitab Majmuk Imam Nawawi)

13. Jika gigi sakit, adakah dibolehkan berbuka?

Jawapan: Dalam ayat 185 surah al Baqarah: "siapa yg sakit atau dalam perjalanan (lalu dia berbuka puasa), maka wajiblah diganti pada hari yang lain". Menurut Syaikh al-Qardhawi, sakit yg dimaksudkan oleh ayat itu bukan semua jenis sakit, tetapi sakit yg dimaksudkan ialah sakit yg membawa mudharat dan menjadi bertambah mudharat jika dia terus berpuasa.

Yang boleh menentukan tahap bahayanya tahap kemudharatan puasa ke atas pesakitnya ada dua cara: pertama, disahkan oleh doktor yang merawatnya yang amanah dgn kerjayanya, kedua: berdasarkan pengalaman atau keadaan si pesakit sendiri. Menjadi tugas mereka yang terlibat dengan kerjaya perubatan menasihati pesakit mengenai status puasanya setelah melihat ujian dan keadaan pesakit.



PERISTIWA BESAR

Di Bulan Ramadhan

Simbol Meningkatnya Produktiviti Ummah

Sejarah tidak pernah melupakan tentang peristiwa agung zaman kegemilangan tamadun Islam satu ketika dahulu yang berlaku di bulan Ramadhan. Hakikatnya, kehadiran bulan yang dimulakan ini mendesak kita mengimbau kembali pengorbanan para golongan awal yang akhirnya menempa kejayaan walaupun hampir dilihat mustahil disebabkan kekurangan tenaga lantaran sedang menjalani ibadah puasa, namun mereka berjaya menyatupadukan dua kekuatan iaitu jasmani dan rohani. Malah hasilnya dilihat begitu menguntungkan orang-orang Islam sehingga menjadi satu kuasa besar pada ketika itu.

Tidak dinafikan lagi, kebanyakan masyarakat kita yang begitu teruja dengan kehadiran bulan Ramadhan yang mulia ini. Mengapa tidak? Di bulan inilah terhimpunnya segala peluang untuk bermalas sehingga pahalanya dilipatgandakan. Namun begitu, kita juga tidak boleh manafikan bahawa masih tidak kurang juga terdapat orang yang merintih dan mengeluh apabila kehadiran bulan ini sudah hampir tiba. Apa yang lebih mengecewakan, mereka meletakkan alasan untuk bermalas-malasan dan mengurangkan daya produktiviti yang ada dalam diri mereka dalam bulan ini. Bila ditanya mengapa begitu? Mereka menjawab dengan selamba: "Saya letih kerana sedang berpuasa".

Melihat situasi begini, saya teringat dengan kenyataan bekas Perdana Menteri dan juga pengasas negara Islam moden

Tunisia (atas sahaman sekular), al-Habib Bourraqib yang berpendapat bahawa puasa di bulan Ramadhan menyebabkan kegendaan bekerja dan mengurangkan pengeluaran negara. Pada tahun 1961, beliau menyeru para pekerja di kalangan rakyatnya berbuka puasa (tidak berpuasa) untuk menjaga pengeluaran negara yang merupakan salah satu daripada jihad yang paling besar.

Cuba kita persoalkan, adakah puasa benar-benar menghalang untuk memperoleh faedah pengeluaran dan pembangunan ekonomi negara? Mungkin di sini kita memerlukan pengajian dan kajian khas, sejauh manakah kesan puasa ini terhadap pengeluaran itu tadi? Sebabnya persoalan di atas masih lagi memerlukan satu asas jawapan yang tepat.

Ada juga komentar-komentar yang mengatakan puasa menyebabkan produktiviti dan pengeluaran berkurangan. Adakah perkara tersebut disebabkan oleh puasa atau ia disebabkan oleh adat dan juga tabiat negatif semasa berpuasa? Jika perkara kedua iaitu ia disebabkan oleh adat dan juga tabiat yang negatif semasa berpuasa, maka puasa terlepas dari tuduhan itu. Sepatutnya sesiapa yang menyeru meninggalkan puasa lebih baik ia menyeru merubahkan tabiat-tabiat negatif itu.

Kemudian bukankah puasa mampu memberikan faedah kepada pertumbuhan

ekonomi? Puasa contohnya dapat meluangkan waktu sarapan dan makan tengahari yang biasanya berlaku semasa bekerja untuk bekerja dan menambahkan pengeluaran. Berapa ramai para pegawai dan pekerja mencuri-curi waktu untuk makan, apabila tiba waktu makan pula mereka mengambil masa yang banyak untuk itu.

Begitu juga tabiat merokok, dalam sehari orang yang merokok mengambil masa sehingga mencecah hingga ke satu jam. Puasa dapat mencegah mereka dari tabiat ini. Jangan kita lupa, bahawa merokok juga mengurangkan pengeluaran begitu besar samada secara lansung iaitu dengan membuang masa, atau tidak iaitu dari sudut kesihatan diri.

Kita merasa hairan bagaimana tokoh yang disebut tadi itu melihat kepada kesan pengeluaran dan kerja. Beliau boleh melupakan perkara yang boleh dilihat, dirasa, dan dibau, dan menegur perkara yang tidak boleh dilihat, dirasa, dan dibau.

Oleh itu, dengan pendapat ini akhir sekali mereka akan mengatakan: bersembahyang dalam waktu bekerja juga boleh mengurangkan pengeluaran. Hakikatnya mereka tidak mengerti makna faedah yang sebenar dan bagaimana melihat kapadanya.

Pada awalnya kita harus melihat faedah itu ialah setiap perkara yang baik



dan memberi faedah bagi semua dan setiap individu. Kita juga melihat dari sudut lain ia adalah menolak keburukan dan kerosakan. Kadang-kadang kita lupa akan maslahah (kepentingan) ini, di mana kita perlu lihat iaitu maslahah (kepentingan) mungkin ia diikuti atau dicampuri oleh kerosakan. Kita lihat dari sudut yang ketiga ia mempunyai bermacam-macam bentuk. Kalau kita singkatkan kepada bentuk-bentuk asas didapati ada lima maslahat (kepentingan) yang besar yang menyeluruh : maslahat (kepentingan) agama, jiwa, keturunan, akal, dan harta. Kalau kita lihat dari sudut yang keempat, maslahat (kepentingan) itu tidak sekata. Oleh itu ulama membahagikan kepada yang paling penting (dharuriyyat), yang diperlukan (hajiyat), dan yang cantik (tahsinyyat).

Jika dilihat pada masa yang luas ini, kadang-kadang maslahah atau kepentingan yang baik pada masa kini merupakan kerosakan pada masa akan datang dan juga kerosakan pada masa kini adalah maslahat (kebaikan) pada masa akan datang.

Sekarang jika kita katakan bahawa puasa mengurangkan pengeluaran hingga ke 10 peratus, apa yang kita dapat keuntungan dari berpuasa ? Sebenarnya banyak yang kita dapat daripada puasa, dari sudut spiritual, dari sudut pembentukan akhlak, dan dari sudut kesihatan. Faedah-faedahnya juga dapat membentuk sebuah masyarakat yang aman dan sejahtera.

Kalau seorang yang benar-benar berpuasa, mengerti erti berpuasa dia akan ikhlas bekerja dan dia akan meninggalkan perkara-perkara negatif seperti menipu dan mencuri-curi. Tidak tersembunyi lagi, semua perkara ini memberi kesan yang baik dalam pengeluaran. Ia juga memberi kesan untuk sepanjang tahun dan juga sepanjang hayat.

Jika kita imbas kepada sejarah kegemilangan Islam pada zaman awal, nescaya kita akan menginsafi situasi kita ketika di bulan Ramadhan zaman ini. Perbandingannya begitu ketara sekali. Di antara peristiwa-peristiwa agung dan besar yang berlaku di bulan Ramadhan ialah :

BULAN DITURUNKAN AL-KITAB

Beberapa hari yang ditentukan itu ialah bulan Ramadhan. Bulan yang diturunkan di dalamnya (permulaan) al-Quran sebagai petunjuk untuk manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pemisah antara yang benar dan salah. Di dalam surah al-Baqarah, ayat 185 Allah S.W.T berfirman :

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبُشِّرَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ

Maksudnya : "(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan Al-Quran,

menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah...

Menurut sesetengah para ulama tafsir dan hadis, sebagaimana Allah S.W.T menurunkan al-Quran dalam bulan Ramadhan, begitu juga kitab-kitab dan suhuf iaitu kitab-kitab kecil yang lain seperti Zabur, Taurat dan Injil yang diturunkan kepada para rasul terdahulu pada bulan Ramadhan.

BERLAKUNYA PEPPERANGAN BADAR AL-KUBRA

Pada hari Jumaat 17 Ramadhan tahun ke-2 Hijrah berlakunya perang pertama dalam Islam yang dikenali Perang Badar. Pada tahun ini juga disyariatkan kefarduan puasa pada bulan Sya'ban. Badar adalah nama tempat di sebuah lembah yang terletak di antara Madinah dan Mekah. Tentera Islam mengawal lokasi strategik dengan menguasai sumber air yang terdapat di situ. Perang ini melibatkan tentera Islam seramai 313 anggota berhadapan dengan 1,000 anggota tentera musyrikin Mekah yang lengkap bersenjata. Dalam peperangan ini, tentera Islam memenangi pertempuran dengan 70 tentera musyrikin terbunuh, 70 lagi ditawan manakala bakinya mlarikan diri. Peperangan ini adalah suatu yang luar biasa apabila tentera Islam yang kurang jumlah, lemah daripada sudut kelengkapan dan berpuasa dalam bulan Ramadhan memenangi pertempuran Perang Badar. Ini membuktikan puasa bukan penyebab umat Islam bersikap lemah dan malas sebaliknya berusaha demi mencapai keredaan Allah. Orang yang berjuang demi mencapai keredaan Allah pasti mencapai kemenangan yang dijanjikan. Allah menegaskan dalam Surah Ali 'Imran ayat 123 hingga 125.

Maksudnya : "Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam perang Badar, sedang kamu berkeadaan lemah (kerana kamu sedikit bilangannya dan kekurangan alat perang). Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah, supaya kamu bersyukur (akan kemenangan itu).

(Ingalah wahai Muhammad) ketika engku berkata kepada orang-orang yang beriman (untuk menguatkan semangat mereka): "Tidakkah cukup bagi kamu, bahwa Allah membantu kamu dengan tiga ribu tentera dari malaikat yang diturunkan?"

Bahkan (mencukupi. Dalam pada itu) jika kamu bersabar dan bertaqwa, dan mereka (musuh) datang menyerang kamu dengan serta-merta, nescaya Allah membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang bertanda masing-masing."

PERISTIWA GALI PARIT SEBAGAI PERSEDIAAN MENGHADAPI PEPPERANGAN AHZAB

Peperangan Ahzab juga dinamakan sebagai Perang Khandak (parit) kerana tentera Islam telah menggali parit yang sangat dalam di sekeliling kota Madinah sepanjang Ramadhan untuk menghalang tentera musuh dari menceroboh dan menyerang Madinah. Ini adalah hasil idea kreatif seorang sahabat bernama Salman al-Farisi. Walaupun Peperangan ini akhirnya berlaku pad awal bulan Syawal tahun ke 5 Hijrah dan peristiwa ini dirakamkan dalam al-Qur'an di dalam Surah al-Ahzab.

KEJAYAAN MEMBUKA KOTA MEKAH

Peristiwa ini berlaku pada 20 Ramadhan tahun ke-8 Hijrah. Peristiwa kemuncak ini berlaku apabila musyrikin Mekah melanggar perjanjian Hudaibiah yang termeterai dengan orang islam. Antara kandungan perjanjian ini menyebut, setiap suku Arab boleh memilih sama ada menjadi sekutu Muhammad ataupun sekutu Quraisy. Kedua-dua pihak tidak boleh berperang dalam tempoh 10 tahun dan tidak boleh membantu pihak lain berperang. Malangnya, dalam suku-suku Arab yang bersekutu itu, ada golongan yang bertelaah iaitu Bani Bakar dan Khuza'ah. Bani Bakar bersekutu dengan Quraisy Mekah manakala Khuza'ah memilih bersekutu dengan Nabi Muhammad. Pada satu malam, Bani Bakar dengan pertolongan Quraisy Mekah menyerang perkampungan suku Khuza'ah di lembah Watir. Apabila berita itu sampai ke pengetahuan Nabi Muhammad, beliau mengerahkan ratusan ribu umat Islam marake Mekah tanpa pengetahuan penduduk musyrikin Mekah. Beliau menolak sebarang rundingan dengan pihak Quraisy sehingga kemaraan umat Islam hanya diketahui apabila hampir memasuki Kota Mekah. Penduduk musyrikin menjadi jumlah yang kecil tanpa sebarang persiapan hanya bersembunyi di bukit, rumah ibadat dan rumah Abu Sufian. Akhirnya umat Islam memasuki kota Mekah tanpa sebarang pertumpahan darah. Peristiwa ini menggambarkan pertolongan Allah kepada hamba-hamba yang ikhlas kepadaNya. Allah menyebut dalam Al Quran Surah Al Fath ayat 1:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُبِينًا

Maksudnya : "Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata."

Sebahagian pakar tafsir Al Quran memberi maksud 'kemenangan' dengan kemenangan bermaksud membuka Mekah.

PERISTIWA PERJALANAN NABI MUHAMMAD S.A.W KE TABUK

Peristiwa ini berlaku pada bulan Ramadhan tahun ke-9 hijrah. Apabila pengaruh Nabi Muhammad SAW tersebar ke pelosok Semenanjung Tanah Arab, ia memberikan tamparan hebat kepada Rom yang menjadi kuasa besar pada masa itu. Lantas Herkules, Maharaja Rom Timur (Bizantin) memutuskan bagi menyekat pengaruh umat Islam dengan utara Tanah Arab. Apabila berita itu sampai ke pengetahuan Nabi Muhammad SAW, beliau mengarahkan umat Islam berkumpul bagi menghadapi Rom dan mengutip zakat. Pada masa itu tanah Arab dilanda panas dan kesusahan. Iman umat Islam ketika itu benar-benar teruji. Namun, mereka tetap taat kepada perintah Nabi Muhammad. Beliau sendiri memimpin tentera seramai 30,000 anggota ke utara Madinah. Apabila tentera Islam tiba di Tabuk, tentera Rom tidak berada di situ. Sebaliknya Rom menarik diri apabila mengetahui kemarau tentera Nabi Muhammad s.a.w yang ramai. Tentera Islam terus menggasak Rom sehingga termeterai perjanjian antara Islam dan Rom. Sebagai persetujuan, Rom tunduk dan bernaung di bawah pemerintahan Nabi Muhammad SAW dan dikenakan cukai sebanyak 3,000 dinar setiap tahun.

ISLAM SAMPAI KE YAMAN

Yaman terletak di selatan Semenanjung Tanah Arab. Nabi Muhammad mengutuskan Ali bin Abu Talib dengan membawa surat beliau untuk penduduk Yaman khususnya suku Hamdan. Dalam tempoh satu hari, kesemua mereka memeluk agama Islam secara aman. Peristiwa bersejarah itu berlaku pada bulan Ramadhan tahun ke-10 Hijrah.

KHALID BIN AL WALID MERUNTUHKAN BERHALA AL 'UZZA

Selepas umat Islam membebaskan kota Mekah, Nabi Muhammad SAW menyucikannya dengan memusnahkan 360 patung di sekeliling Kaabah. Lima hari sebelum berakhirknya Ramadhan tahun ke-9 hijrah, beliau menghantar Khalid al Walid bagi memusnahkan patung al 'Uzza di Nakhla. Menurut kepercayaan Arab jahiliyyah, al 'Uzza adalah patung dewi terbesar di situ. Ia sering disebut oleh masyarakat Arab apabila melafazkan sumpah. Khalid al Walid melaksanakan tugas itu dengan bergerak menuju ke Nakhla lalu menghancurkan patung al 'Uzza. Selepas itu, penyembahan patung pun berakhir.

PENYERAHAN BANDAR THAIF

Bandar Thaif pernah mencatatkan sejarah apabila penduduknya menghalau Nabi Muhammad SAW semasa berdakwah di sana. Selepas beliau dan umat Islam berjaya membebaskan Mekah, golongan Bani Tsaqif berkeras tidak mahu tunduk kepada Nabi Muhammad s.a.w. Nabi Muhammad s.a.w dan tentera Islam mara ke Thaif lalu mengepungnya dalam tempoh yang lama. Akhirnya rombongan mereka datang ke Mekah pada bulan Ramadhan tahun ke-9 Hijrah dengan menyerahkan bandar Taif sebagai tanda menyerah kalah. Patung al Laata yang dipuja sebelum ini dimusnahkan.

PEMBUKAAN ANDALUS (SEPANYOL)

Andalus adalah nama Arab yang diberikan kepada wilayah-wilayah bahagian Semenanjung Liberia yang diperintah oleh orang Islam selama beberapa waktu bermula tahun 711 hingga 1492 Masihi. Pada 9 Ramadhan tahun ke-92 Hijrah, panglima Islam bernama Tariq bin Ziyad dihantar pemerintahan Bani Umayyah bagi menawan Andalus. Tariq memimpin armada Islam menyeberangi laut yang memisahkan Afrika dan Eropah. Selepas pasukan tentera Islam mendarat, Tariq membakar kapal-kapal tentera Islam supaya mereka tidak berfikir untuk berundur. Akhirnya Andalus ditawan dan menyelamatkan rakyatnya yang dizalimi. Islam bertapak di Andalus selama lapan abad dan meninggalkan kesan tamadun yang tinggi nilainya kepada dunia barat.

TENTERA ISLAM MENGALAHKAN TENTERA MONGOL

Pada tahun 126 hingga 1405 masih, kaum Mongol melebarkan penaklukannya hampir kesemua benua Asia. Menurut rekod, empayar penaklukan mereka meliputi seluas 33 juta kilometer persegi. Jeneral tentera Mongol dikenali sebagai Genghis Khan. Dalam misi penaklukan itu, mereka membunuh melebihi sejuta rakyat negara yang ditakluki. Penaklukan mereka menjangkau hingga ke Moscow dan Kiev. Pada tahun 1258, tentera pimpinan Jeneral Hulagu Khan merempuh kota Baghdad yang menjadi kemegahan Dinasti Abbasia ketika itu. Dalam serangan itu, ramai umat Islam terbunuh dan banyak buku karangan sarjana Islam dibuang ke dalam Sungai Furat dan Dajlah sehingga airnya menjadi hitam kerana dakwat. Pada 15 Ramadhan 658 Hijrah bersamaan 1260 Masihi, angkatan tentera Islam bangkit membuat serangan balas. Tentera Islam dan para ulama pimpinan Sultan Qutuz dari Dinasti Mamluk, Mesir mara ke Palestin selepas Mongol menguasainya. Kedua-dua pihak bertemu di 'Ain Jalut. Dalam pertempuran itu, tentera Islam meraih kemenangan dan berjaya menawan Kitbuqa Noyen, seorang Lettenan Kristian yang memberi nasihat kepada Hulagu Khan bagi menyerang Baghdad. Kitbuqa akhirnya dihukum bunuh. Kemenangan itu adalah suatu yang luar biasa apabila Mongol yang terkenal dengan keganasan akhirnya kalah kepada tentera Islam.

PEPERANGAN ZALLAQAH, PORTUGAL

Peristiwa ini berlaku selepas subuh hari Jumaat, bulan Ramadhan tahun 459 Hijrah. Ketika itu, berlaku kebangkitan Dinasti Murabit di Afrika Utara. Gabenor Cordova, al-Muktamin meminta bantuan Sultan Dinasti Murabit, Yusuf bin Tasyafin bagi memerangi al Fonso VI. Tentera Kristian yang diketuai oleh al Fonso VI yang berjumlah 80,000 tentera berjaya dikalahkan. Dalam masa yang singkat Sultan Yusuf berjaya menguasai seluruh Sepanyol dan menyelamatkan umat Islam. Selepas itu, Sepanyol Dinasti Murabit berdiri sejak 1090 hingga 1147 Masihi. ---

PEPERANGAN YAKHLIZ

Pada 15 Ramadhan 1294 Hijrah, bala tentera Islam Dinasti Uthmaniah yang dipimpin oleh Ahmad Mukhtar Basya dengan jumlah 34,000 anggota mengalahkan tentera Rusia yang berjumlah 740,000. Seramai 10,000 tentera Rusia terbunuh dalam pertempuran itu. Ia menjadi kebanggaan umat Islam mempertahankan agama yang diancam oleh kerajaan Tzar di Rusia.

TERTAWANNYA GARIS BAR LEV, ISRAEL

Dalam sejarah moden, berlaku Perang Yom Kippur yang melibatkan tentera Islam pakatan Mesir dan Syria dengan tentera Yahudi Israel pada 10 Ramadhan 1390 Hijrah bersamaan 6 Oktober hingga 22 atau 24 Oktober 1973 Masihi. Perang Yom Kippur, juga dikenali sebagai Peperangan Arab-Israel 1973, Perang Oktober, dan Perang Ramadhan. Ia adalah sebahagian daripada konflik Arab-Israel sejak dari tahun 1948. Pada bulan Jun 1967, berlaku Perang Enam Hari antara Israel dengan Mesir, Syria dan Jordan. Dalam pertempuran itu, Israel berjaya menduduki Bukit Golan, Syria di utara serta Semenanjung Sinai, Mesir di selatan sehingga ke Terusan Suez. Selepas itu, Israel membina barisan pertahanan di Sinai dan Bukit Golan. Pada tahun 1971, Israel memperuntukkan 500 juta dolar Amerika bagi membina kubu dan kerja tanah raksasa yang dinamai Garis Bar Lev sempena nama Jeneral Israel, Haim Ber Lev. Israel bermegah dengan kubu Bar Lev yang didakwa 'tidak dapat ditawan' kerana mempunyai kekebalan dan teknologi peralatan yang canggih. Namun, tentera Islam berjaya menawan kubu itu sekaligus mengalahkan Israel. Antara peristiwa menarik dalam peperangan ini adalah peranan seorang sarjana Islam merangkap sebagai Imam Masjid Bandar Suez al-Marhum, Syeikh Hafiz Salamah yang mengambil alih pimpinan operasi peperangan. Beliau mengantikan jawatan

ini apabila gabenor daerah bersedia menyerah kalah. Akhirnya para mujahidin gabungan tentera Mesir, Syria dan penduduk bandar Suez berjaya menggasak tentera Israel yang terpaksa berundur sehingga terpaksa menyerahkan Semenanjung Sinai dan Bukit Golan.

Daripada peristiwa ini, jelas bahawa Ramadan bukan bulan yang menyebabkan umat Islam lemah. Sebaliknya, ia bulan yang menukar semangat berjuang untuk melawan musuh sama ada berbentuk dalam seperti memerangi nafsu atau musuh luaran untuk menghancurkan umat Islam melalui pelbagai teknik dan bentuk penghancuran.

Oleh itu, apabila umat Islam berjaya melawan musuh yang sentiasa mengancam dari luar. Apabila umat Islam sentiasa memusuhi nafsu jahat, maka mereka akan sentiasa melawan musuh yang memadamkan cahaya Allah. Sebaliknya, jika umat Islam tidak mempunyai pertahanan diri kukuh dalam melawan nafsu jahat, maka kebanyakan mereka turut tumbang apabila berhadapan dengan serangan musuh. Inilah pentingnya tarbiah pada Ramadan yang mampu melahirkan umat yang bukan saja dapat menahan diri daripada godaan hawa nafsu, malah melatih diri untuk berhadapan dengan musuh di alam nyata.

JADUAL PERISTIWA DI BULAN RAMADHAN DAN STATUSNYA

BIL.	PERISTIWA	TARIKH	STATUS OPERASI
1	Diturunkan Al-Quran	17 Ramadhan 10SH	-
2	Peperangan Badar al-Kubra	17 Ramadhan 2H	Berjaya
3	Menggali Parit Sebagai Persediaan Peperangan Ahzab	Sepanjang Ramadhan 5H	Berjaya
4	Pembukaan Kota Mekah	10 Ramadhan 8H	Berjaya
5	Perjalanan Nabi s.a.w ke Tabuk	Ramadhan	Berjaya
6	Islam sampai di Yaman	Ramadhan 10H	Berjaya
7	Khalid Bin Al Walid Meruntuhkan Berhala Al 'Uzza	25 Ramadhan 9H	Berjaya
8	Penyerahan Bandar Thaif	Ramadhan 9H	Berjaya
9	Pembukaan Andalus (Sepanyol)	9 Ramadhan 92H	Berjaya
10	Peperangan Zallaqah, Portugal	Ramadhan 459H	Berjaya
11	Tentera Islam Mengalahkan Tentera Monggol	15 Ramadhan 658H	Berjaya
12	Peperangan Yakhiliz	15 Ramadhan 1294H	Berjaya
13	Tertawannya Garis Bar Lev, Israel	10 Ramadhan 1390H	Berjaya



**Salafus soleh
merupakan
satu zaman
yang telah
dinukilkkan
oleh Allah
S.W.T
dalam kitab
suciNya
melalui
surah al-
Taubah ayat
100 :**



وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعْدَّهُمْ جَنَّاتٍ بَجُورٍ لَّتَحْكُمُهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا
ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

"Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang "Muhajirin" dan "Ansar", dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta la menyediakan untuk mereka Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar."

Melalui ayat ini jelaslah bahawa tiga kurun inilah yang terbaik untuk kita ikuti dan jadikan sebagai garis panduan di dalam kita melaksanakan sesuatu ibadat agar dapat dibezakan antara adat dan ibadat dalam satu amal kita itu. Apakah pula yang dimaksudkan dengan tiga kurun tersebut?

Daripada Imran bin Husain r.a., Sabda Rasulullah s.a.w :

خَيْرُ أُمَّتِي قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونُهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونُهُمْ. قَالَ عُمَرُ أَنَّ فَلَأَ أَدْرِي أَدْكَرْ بَعْدَ قَرْنَهِ قَرْنَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةِ

Maksudnya : "Sebaik-baik umatku ialah yang hidup pada kurunku, kemudian yang mengikuti zaman mereka dan kemudian yang mengikuti zaman mereka. Imran berkata: Saya tidak ingat sama ada (Nabi shallallahu 'alaihi wasallam) menyebut 2 atau 3 kurun selepasnya". (H.R.Bukhari)

اویسوس سیتی تیکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

IBADAH

SALAFUS
SOLEH

DI BULAN RAMADHAN



Jika dilihat berdasarkan Hadith ini, dapat kita simpulkan bahawa tiga kurun ini adalah kurun sahabat, kurun tabi' dan kurun tabi'in. sahabat adalah golongan yang hidup pada zaman Rasulullah s.a.w dan berjumpa dengan baginda. Tabi' pula merupakan golongan yang hidup pada zaman baginda tetapi tidak pernah berjumpa dengan baginda, tetapi mereka ini sempat bertemu dengan sahabat. Dan Tabi'in adalah mereka yang tidak sempat berjumpa dengan Rasulullah s.a.w dan para sahabat r.anhum.

Ramai yang tertanya-tanya mengapa kita perlu ikut golongan-golongan yang disebut dalam firman Allah S.W.T dan sabda baginda itu, sedangkan pastinya sudah cukup dengan hanya mengikut nabi telah dapat membuatkan setiap perbuatan kita sempurna. Ini disebabkan melalui golongan-golongan inilah kita dapat mengenalpasti dan mengetahui dengan lebih jelas tentang apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dalam setiap perincian amal ibadat yang dilaksanakan oleh baginda. Hal ini dapat kita lihat berdasarkan permasalahan solat dengan berdalilkan Hadith yang disebut oleh Rasulullah s.a.w daripada Abu Hatim r.a:

صلوا كما رأيتمني أصلى

Maksudnya : "Solatlah seperti mana kamu melihat aku bersolat"

Hadith ini menerangkan tentang keperluan kita untuk solat seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. tetapi bagaimana kita hendak mengikuti cara baginda sedangkan kita tidak pernah hidup pada zaman baginda apatah lagi melihat perlakuan solat baginda. oleh itu, cara yang terbaik adalah melalui sandaran para sahabat dan ulamak-ulamak muktabar yang mendapat secara terus daripada Rasulullah s.a.w dan disampaikan kepada kita. Itulah pentingnya kita mengikut zaman salafus soleh ini, kerana pastinya setiap apa yang mereka lakukan adalah yang terbaik. Cuba kita lihat sungai nan indah mengalir di atas gunung yang merupakan sumber utama, sudah tentu kita boleh mengambil dan terus meminum air tersebut tanpa perlu ragu-ragu. Tetapi bagi air yang telah mengalir dan sampai ke bawah, di mana air tersebut telah bercampur dengan pelbagai anasir maka perlulah kita melakukan pelbagai tapisan untuk mendapatkan air yang benar-benar bersih dan digunakan tanpa was-was. Begitulah bagi kita juga untuk mendapatkan amalan yang betul-betul datangnya daripada Rasulullah s.a.w. perlulah kita tapis dengan tapisan yang betul-betul mengikut apa yang di sampaikan oleh ulamak muktabar pada zaman salaf. Pada zaman kita ini yang juga dikenali sebagai zaman khalaf merupakan zaman yang telah bercampur pelbagai perkara yang disebut sebagai amalan nabi tetapi tidak langsung disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Maka amat pentinglah untuk kita mengikuti jejak langkah para salafus soleh ini sebagai garis panduan amalan yang benar-benar daripada Rasulullah s.a.w. seperti sabda baginda :

مَنْ كَانَ مِنْكُمْ مُّتَّسِئاً فَلَيَتَّبَعْ بِأَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِنَّهُمْ كَانُوا أَبْرَهُ الْأُمَّةِ قُلُوبًا
وَأَعْمَقَهَا عِلْمًا، وَأَفْلَقَهَا تَكْلِفًا، وَأَفْوَمَهَا هَدْيَا، وَأَخْسَنَهَا حَالًا، قَوْمٌ اخْتَارُوكُمُ اللَّهُ لِصُحْبَةِ نَبِيِّهِ وَلِإِقَامَةِ دِينِهِ، فَاعْرِفُوهُمْ
هُمْ فَضْلَهُمْ وَاتَّبِعُوهُمْ فِي آثَارِهِمْ، فَإِنَّهُمْ كَانُوا عَلَى الْهُدَى الْمُسْتَقِيمِ

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Maksudnya : "Barangsiapa di antara kalian yang ingin mencontohi, hendaklah dia mencontohi para Sahabat Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam. Kerana sesungguhnya mereka adalah umat yang paling mulia hatinya, paling dalam ilmunya, paling sedikit sikap menyusahkan, dan paling lurus petunjuknya, serta paling baik keadaannya. Suatu kaum yang telah Allah pilih mereka untuk menjadi sahabat Nabi-Nya, untuk menegakkan agama-Nya, maka ketahuilah kelebihan mereka serta ikutilah jejak langkah mereka, kerana sesungguhnya mereka berada di atas petunjuk jalan yang lurus." (Jami'ul Bayanil 'Ilmi wa Fadhlih, tahqiq: Abul Asybal)

Begitu juga apabila tibanya bulan Ramadhan ataupun terkenal dikalangan masyarakat kita sebagai bulan puasa merupakan satu bulan yang amat besar hikmah disebaliknya seperti firman Allah S.W.T.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقَوْنَ

Maksudnya :"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kalian untuk berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kalian agar kalian bertakwa" (Surah al-Baqarah:182)

Maka jelaslah puasa merupakan salah satu ibadah yang disyariatkan oleh Allah S.W.T. kepada kita bermula daripada zaman Rasulullah s.a.w lagi. Dan hikmah disebalik disyariatkan untuk berpuasa itu adalah berpandukan kepada ayat لَعَلَّكُمْ تَتَّقَوْنَ. Inilah hikmah terbesar dalam pensyariatan puasa ini iaitu untuk menjadikan kita seorang yang bertakwa.

Tetapi di dalam kesibukan kita mengejar ganjaran pada bulan ini, terkadang kita tergelincir daripada apa yang telah diajarkan oleh baginda. Keghairahan kita mengejar pahala akhirnya telah menyebabkan puasa kita hanya tinggal kelaparan dan kehausan semata-mata. Mari kita lihat antara amalan yang dilakukan oleh para salafus soleh apabila tibanya bulan yang penuh keberkatan ini. Antaranya :

Menghidupkan suasana membaca al-Quran

1. Sesungguhnya Al-Aswad Bin Yazid mengkhatamkan Al-Quran pada setiap 2 malam di Bulan Ramadhan dan beliau hanya akan tidur pada waktu di antara selepas Maghrib dan Isya' dan beliau mengkhatamkan Al-Quran di luar Bulan Ramadhan pada setiap 6 malam. Al-Aswad Bin Yazid Bin Qis An-Nakha'i dan dipanggil Abu Abdur Rahman Al-Kufi, merupakan di antara tabi'in yang besar, beliau sezaman dengan baginda tetapi tidak pernah berjumpa dengannya, wafat di Kufah pada 75H, berguru dengan sahabat yang besar seperti Bilal Bin Rabah dan para Khulafa' al-Rasyidin dan lain-lain, dihukumkan perawi hadith yang tsiqah oleh Imam Ibnu Hajar al-Asqalani dan merupakan di antara raja Imam Bukhari dan Muslim.
2. Imam Malik Bin Anas jika tibanya Bulan Ramadhan beliau akan menghentikan pengajaran Ilmu Hadith dan akan membuka mushaf Al-Quran dan berkata : Bulan ini (Ramadhan) adalah Bulan Al-Quran
3. Sufyaan al-Tsauri pula pada Bulan Ramadhan akan menyihir diri daripada semua orang dan fokus membaca Al-Quran.

4. Imam Syafi'e pula mengkhatamkan al-Quran pada Bulan Ramadhan sebanyak 60 kali iaitu setiap hari beliau mengkhatamkan sebanyak 2 kali iaitu sekali pada waktu pagi dan sekali pada waktu malam dan kesemuanya itu dikhatamkan di dalam solat! [Diriwayatkan oleh Abu Nu'aim di dalam Hilyatul Auliya' dan Al-Baghdadi di dalam Tarikhul Baghdad daripada Ar-Rabi' Bin Sulaiman]
5. Zabid al-Yami apabila tibanya Bulan Ramadhan beliau akan mengambil al-Quran dan mengumpulkan para sahabat beliau. Zabid Bin al-Harith al-Yami atau dikenali dengan Abu Abdur Rahman al-Kufi, sezaman dengan para tabi'in yang kecil dan meninggal pada 122H, merupakan seorang perawi yang tsiqah dan seorang 'abid yang taat, pernah berguru dengan Ibrahim al-Nakha'i.
6. Imam Ahmad Bin Hanbal pula mengkhatamkan al-Quran pada setiap minggu tetapi di Bulan Ramadhan beliau mengkhatamkannya pada setiap minggu sebanyak 2 kali khatam, iaitu pagi sekali dan petang pula sekali.
7. Imam al-Bukhari pula mengkhatamkan al-Quran di Bulan Ramadhan pada setiap hari di waktu siang sekali khatam dan mengkhatamkannya pula pada waktu qiyamullail selepas solat sunat Tarawih dengan sekali khatam pada setiap 3 malam.

Melakukan Qiamullail pada malam hari

Ini juga merupakan amalan yang sering dipandang ringan bagi masyarakat kita. Kerana ada sesetengahnya berpendapat bahawa hanya dengan berpuasa pada siangnya dan diakhiri dengan solat tarawikh dan witir sudah memadai untuk mendapatkan ganjaran yang telah Allah S.W.T janjikan pada bulan Ramadhan al-Mubarak ini. Ada juga yang berjaya untuk bangun malam tetapi malangnya bukan untuk melakukan qiamullail sebaliknya hanya bangun untuk menonton siaran langsung bola sepak dan Akademi Fantasia 2013 yang bakal berlangsung tidak lama lagi. Bagi mereka yang berjaya untuk bangun dan menunaikan qiamullail ini, penulis ingin berkongsi mengenai kaifiat atau kaedah yang dilaksanakan oleh para salafus soleh di dalam menggarap ganjaran di bulan ini.

"Daripada Yazid Bin Abdullah Khusaifah daripada Saieb Bin Yazid : "Ketika para sahabat di zaman pemerintahan Umar Al-Khattab mereka berqiamullail di bulan Ramadhan sebanyak 20 rakaat dan membaca sebanyak 200 ayat lebih dan mereka menopang pada tongkat-tongkat mereka ketika di

zaman Utsman Bin Affan disebabkan terlalu lama berdiri." [H.R. Baihaqi]

Berkatanya Ibnu Jauzi : Peringkat para salafus soleh di dalam qiamullail ada 7 peringkat :

1. Ada yang menghidupkan seluruh malam tersebut, hinggakan ada yang bersolat Subuh dengan wudhuq Isya' (berterusan melakukan ibadah sepanjang malam)
2. Ada yang menghidupkan malamnya pada setengah malam
3. Ada yang menghidupkannya pada sepertiga malam, berdasarkan sebuah hadith baginda nabi s.a.w : " Solat yang paling disukai di sisi Allah ialah solat Nabi Daud A.S, yang hanya tidur pada setengah malam, dan bangun pada sepertiga malam dan tidur pada seperenamnya" [Muttafaqun 'alaih]
4. Ada yang melakukannya pada seperenam malam atau seperlima malam.

5. Ada juga yang tiada bilangan malam tertentu, tetapi melakukannya sehingga rasa mengantuk dan tertidur, jika mereka terjaga mereka menyambung kembali ibadah mereka.
6. Ada yang hanya bersolat di waktu malam sebanyak 4 rakaat atau 2 rakaat sahaja.
7. Ada yang hanya beribadah di antara Maghrib dan Isyak sahaja.

Memang benar, bukan mudah untuk kita istiqamah dalam kita melaksanakan amalan qiamullail ini. Apatah lagi ianya melibatkan masa tidur dan masa rehat kita. Tetapi penulis agak tertarik dengan pendapat yang diutarakan oleh Imam al-Ghazali iaitu mengenai cara untuk memudahkan kita untuk bangun malam(qiamullail).

Yang pertama daripada segi zahir :

- Jangan banyak makan maka akan banyak minum dan akan memberatkan badan qiyamullail
- Jangan memenatkan diri di siang hari dengan perkara-perkara yang tidak memberikan faedah
- Jangan meninggalkan qaylulah (tidur sekejap di siang hari) kerana ianya membantu untuk qiyamullail
- Janganlah melakukan dosa yang tidak bertaubat daripadanya pada siang hari kerana perkara tersebut bakal mengharamkan kamu bangun pada malamnya

Yang kedua daripada segi batin :

- Hati yang tidak ada hasad dengan sesama manusia
- Ketakutan kepada Allah dan tidak telulu pānjang angan-angan
- Hendaklah dia mengetahui ganjaran-ganjaran Allah S.W.T terhadap hamba yang bangun pada malam hari

Ini cuma beberapa amalan yang dilakukan oleh para salafus soleh apabila tibanya bulan Ramadhan. Jika kita lihat, ada juga beberapa amalan sunnah yang juga dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat seperti bersedekah dan beritikaf dimasjid dan lain-lain lagi.

"Sedekah yang paling utama (afdhul) adalah sedekah di bulan Ramadan." (H.R. Tirmizi)

Apabila kita berbincang mengenai keberkatan bulan Ramadhan maka tidak lengkap jika kita tidak sebut mengenai malam yang sering diperkatakan oleh manusia segenap dunia malah ada yang mencari malam tersebut dan ada yang hanya menyebut tetapi menjadikan seperti malam tersebut sebagai dongeng semata-mata tanpa berusaha untuk mendapatkan kanya. Malam tersebut adalah malam al-Qadar seperti yang disebut oleh Allah S.W.T di dalam surah al-Qadr yang bermakna:

"1. Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar, 2. dan apa jalannya Engkau dapat mengetahui apa Dia kebesaran malam Lailatul-Qadar itu? 3. malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. 4. pada malam itu, turun malaikat dan Jibril Dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa Segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun Yang berikut); 5. sejahtera lah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!"

Bilakah berlakunya malam al-Qadar ini?

Daripada Aishah r.ha: "Carilah Lailatul Qadr pada malam ganjal pada sepuluh malam terakhir Ramadhan" (H.R.Bukhari)

Maka dapatlah kita lihat bahawa malam ini berlaku pada sepuluh malam terakhir pada bulan Ramadhan dan pada malam yang ganjal. Tetapi persoalannya adakah cukup dengan hanya kita bangun pada setiap malam terakhir dan kita tunggu kehadiran malam tersebut dengan berbekalkan secawan kopi dan setin biskut kering? Atau hanya dengan menonton televisyen sambil menyiapkan kuih raya bagi Eidulfitri yang bakal tiba nanti? Ataupun dengan sibuk memasang langsyir dan menukar sarung kusyen dan akhirnya kita perolehi malam al-Qadar ini?

Mari kita lihat pula beberapa amalan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w apabila tibanya sepuluh malam terakhir pada bulan Ramadhan ini. Antaranya seperti yang dibincangkan pada awal amalan baginda dan para sahabat iaitu qiamullail.

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w berkata: "Sesiapa yang berdiri (mengerjakan sembahyang) pada malam Lailatul Qadar, mengharapkan pahala dari sisi Allah, semua dosanya pada masa lalu akan diampuni." (H.R. Bukhari & Muslim)

Semasa melakukan qiamullail hendaklah memperbanyakkan membaca doa bagi mengahpuskan dosa-dosa yang telah lakukan satu masa dahulu. Kerana kita sedia maklum bahawa pada bulan ini, pintu kemaafan telah Allah S.W.T bukakan seluas-luasnya. Banyak doa yang telah Rasulullah ajarkan kepada kita. Aisyah r.ha pernah bertanya kepada baginda :

"Wahai Rasulullah, jika aku tahu bila malam adalah malam Qadar, apakah yang perlu aku ucapkan semasa doa?" Baginda berkata: "Katakanlah: Ya Allah, Engkau adalah Pemaaf dan suka memaafkan, maka maafkan aku" (Ahmad, Ibn Majah, dan Tirmidzi).

Abu Hurairah r.a, berkata bahawa nabi bersabda: "Apabila berakhiri satu pertiga malam, Allah, Yang Amat Terpuji turun ke langit bumi dan berfirman: Siapakah yang berdoa untuk Ku? Siapa yang berdoa untuk ku memohon apa-apa akan ku perkenankan. Dan yang yang memohon keampunan kepada Ku, Aku akan memaafkannya". (H.R. Bukhari & Muslim)

Berdasarkan intipati yang serba sedikit dikongsikan oleh penulis ini diharap dapat membantu di dalam kita berkejar-kejar untuk mendapatkan ganjaran bersempena bulan Ramadhan yang bakal tiba ini. Kesungguhan kita dalam mendapatkan kelebihan bulan ini amat dipandang tinggi oleh Allah S.W.T disebabkan itu adalah lebih baik kita ikuti dan turuti setiap apa yang telah digariskan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat salafus soleh ini. Penulis juga tertarik dengan satu kata-kata yang disebut oleh Imam Syafi'e rahimahullah ta'ala:

"Mereka (sahabat) adalah golongan paling tinggi berbanding dengan kita dari segala aspek keilmuan, ijtihad, warak (sikap penuh berhati-hati), berakal dan pada setiap perkara yang mendatangkan ilmu atau diambil daripada mereka ilmu. Pendapat mereka lebih baik dan lebih utama buat kita dari pandangan kita sendiri...".

Melalui kata-kata ini, dapat kita simpulkan bahawa perlunya kita ikut setiap apa yang telah diajarkan oleh golongan sahabat ini untuk kita memperolehi ganjaran yang benar-benar direhui oleh Allah S.W.T. Wallahu'lam.



Warkah

CINTA ALLAH

di Bulan Ramadhan

Di antara bukti kecintaan dan kasih sayang Allah S.W.T ialah dengan memberi rahmat dan rezeki kepada hambanya tanpa sempadan. Ditambah dengan pembuktian yang luas lagi besar, nikmat lain yang tidak terkira banyaknya, adalah mukjizat yang paling agung buat kekasih hati Nabi Muhammad s.a.w ialah penurunan al-Quran al-kareem kepada baginda dan sebagai rujukan buat umat ini hingga dikembalikan segalanya pada Rabbul Izzati.

Ramadhan, bulan dirindui tiba lagi. Dipanjangkan usia kita, sebagai peringatan untuk bertaubat dan mensyukuri nikmat Allah S.W.T. Ramadan dan al-Quran satu ikatan yang tersimpul mati. Apabila disebut Ramadan, di samping puasa, kita akan teringatkan penurunan al-Quran (Nuzul al-Quran). Bulan Ramadan bulan yang diturunkan dalamnya al-Quran. Penurunan al-Quran itu dua peringkat; pertama, dari Luh al-Mahfuz ke Bait al-Izzah (langit dunia). Kedua, dari langit dunia kepada Nabi s.a.w secara berperingkat-peringkat dalam tempoh sejak Nabi Muhammad ditabalkan menjadi rasul sehingga baginda wafat iaitu selama 23 tahun.

Para sarjana tidak berbeza pendapat bahawa al-Quran turun (Nuzul al-Quran) dalam bulan Ramadan. Ini kerana Allah sendiri yang menjelaskan bahawa al-Quran itu turun dalam bulan Ramadan. Firman Allah yang bermaksud:

“Bulan Ramadan yang Kami turunkan dalamnya al-Quran yang menjadi pertunjuk untuk manusia” (al-Baqarah: 185)

Namun begitu sarjana berbeza pendapat tentang berapa haribulankah Ramadan penurunan itu berlaku? Ada yang

berpendapat ia diturunkan pada 21hb Ramadan. Pendapat ini dipegang oleh beberapa orang ulama, antaranya tokoh Sirah yang terkenal al-Syeikh Safiy ar-Rahman al-Mubarakfuri seperti yang beliau sebut dalam karyanya Rahiq al-Makhtum. Ada juga yang berpendapat 24hb Ramadan kerana bersandarkan hadith riwayat al-Imam Ahmad yang menyebut: “...Allah turunkan al-Quran pada 24hb Ramadan”. Hadith ini disahkan oleh sebahagian ulama, dihasankan oleh sebahagian yang lain. Terdapat juga sarjana yang mendafikannya disebabkan kritikan terhadap salah seorang rawi iaitu Imran bin al-Qattan. Namun ada riwayat lain daripada Ibn 'Abbas yang boleh menyokong riwayat ini. Di sana ada lain-lain pendapat tentang haribulan Nuzul al-Quran ini.

Di tempat kita biasanya kita mendengar tarikh Nuzul al-Quran pada 17hb Ramadan. Ini juga salah satu pendapat yang telah sesetengah sarjana kemukakan. Pun begitu pendapat ini mendapat kritikan sebahagian sarjana yang lain atas beberapa alasan. Antaranya, al-Quran sendiri menjelaskan bahawa al-Quran diturunkan pada Malam al-Qadr (Lailatal Qadar). Ini seperti yang Allah sebut dalam Surah al-Qadr yang bermaksud: “Sesungguhnya Kami telah turunkannya (al-Quran) pada malam al-Qadr” (al-Qadr: 1)

Hadith-hadith Nabi s.a.w pula banyak yang menjelaskan bahawa Malam al-Qadr itu berlaku pada salah satu dari sepuluh malam yang akhir bulan Ramadan. Maka, sepatutnya penurunan al-Quran (Nuzul al-Quran) dalam lingkungan sepuluh yang akhir. Tokoh ilmu al-Quran yang terkenal al-Imam al-Zarqani menyebut dalam karyanya Manahil al-'Urfan:

“Kemudian di sana ada pendapat yang menyatakan bahawa pemulaan Nuzul al-Quran itu pada 17hb Ramadan. Itulah merupakan Malam al-Qadr menurut sebahagian pendapat. Namun pandangan itu menyanggahi pendapat yang masyhur yang disokong oleh hadith sahih”. (1/52, Beirut: Dar al-Fikr).

Apapun perbezaan pendapat yang ada, kesemua umat akur bahawa al-Quran itu turun pada bulan Ramadan. Sarjana hanya berbeza pendapat tentang haribulannya sahaja. Masing-masing telah mengemukakan alasan mereka.



WARKAH CINTA ALLAH DIBULAN RAMADHAN

Nuzul Quran Dinukil Dan Ditulis: Ustaz Aswanzie Abbyd Bin Zainal Abidin

Penghayatan

Lebih penting dari itu semua, kita hendaklah menghayati tujuan al-Quran itu diturunkan kepada manusia. Ia bukan sebuah kitab sekadar untuk dibaca dan diperlakukan tanpa memahami tujuan ia diturunkan. Jika ramai orang boleh membaca al-Quran, melagukannya, menghiasinya dengan ukiran dan solekan yang indah namun enggan mendalamai dan menghayati tujuan penurunannya, maka al-Quran tidak akan berfungsi dalam kehidupan manusia. Ia seakan seorang pesakit yang membaca jadual ubatnya, menulisnya dengan indah dan cantik tetapi tidak memakannya. Firman Allah yang bermaksud:

"Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah". (al-Baqarah: 185)

Itulah tujuan penurunan al-Quran. Ia menjadi petunjuk, menjelaskan petunjuk tersebut serta memampukan pembacanya membezakan antara yang benar dan yang salah. Antara haq dan batil. Itulah cahaya insan dalam meherangi cabaran kehidupan di dunia ini. Hal ini tidak mungkin diperolehi jika kita sekadar berlagu dan menggantungnya di dinding rumah dan pejabat tanpa melakukan tadabbur (penelitian kandungan). Allah menyebut dalam Surah al-Isra' yang bermaksud:

"Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul, dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar, dan bahawa orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat, Kami sediakan bagi mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya". (al-Isra': 9-10)

Kita semua ada kelemahan, kita juga mungkin tidak berjaya menjadi insan yang melaksanakan seratus peratus isi kandungan al-Quran tetapi kita sentiasa wajib beriman bahawa jalam hidup ini ialah mengikuti isi kandungan al-Quran, bergerak dan berusaha menghayatinya dari masa ke semasa adalah tanggungjawab seorang yang beriman. Kejayaan kita ialah dengan memahami dalam melaksanakan isi kandungan al-Quran. Kita hendaklah membaca al-Quran sehingga dapat membezakan

antara yang benar dan yang salah. Antara yang ikhlas dan yang pura-pura. Antara yang membela kebenaran dan yang memperjudikan kebenaran. Ini amat penting sepanjang masa, apatahlagi di zaman dunia yang penuh kekaburuan dan kekeliruan. Tidak berpada sekadar melagukan, bertanding dan menggantung di dinding-dinding tanpa memperdulikan isi yang tersurat dan tersirat di sebalik tulisan yang tersemat.


Jangan juga kita lupa bahawa pada zaman ini akan ada yang menggunakan al-Quran untuk mendapatkan wang ataupun harta dunia dari manusia. Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud:

"Bacalah al-Quran dan mintalah daripada Allah (pahala), kerana selepas kamu akan ada kaum yang membaca al-Quran dan meminta (upah) daripada manusia" (Riwayat Ahmad dan al-Tirmizi, bertaraf hasan).

Pun begitu, mengambil upah dengan mengajar al-Quran itu diharuskan atas sebab usaha yang dilakukan untuk mengajar itu memerlukan kos, ambillah sekadarnya dan jangan melampaui batas.

Oleh yang demikian, al-Quran merupakan warkah cinta Allah buat hambanya yang meliputi sekalian dan segenap aspek, yang menceritakan masa dahulu dan masa akan datang, yang memberikan gambaran jelas apa yang tersedia ketika hidup dan dunia selepasnya. Dan yang penting, ia untuk dikaji, bukan dibiar suci berdebu. Ramadhan Kareem! Allahu Akram!

(dinukil isi daripada Prof. Dr. Mohd Asri Zainul Abidin dan ditambah sedikit sebanyak daripada al-faqir penulis)



Anda Bertanya? **ISLAM** Menjawab

MASALAH NIAT PUASA

Soalan: Pada bulan ramadan yang lepas, saya pernah terlupa mengucapkan niat puasa pada malam hari. Waktu itu saya terlambat bangun dan tidak sempat bersahur. Bagaimanapun, saya tetap meneruskan puasa hingga petang. Adakah puasa itu sah?

Jawapan:
Puasa tidak sah menurut Mazhab Syafii. Namun boleh mengikut Mazhab Maliki yang mengatakan sah.

Huraian:

Masalah ini sering kali dilontarkan oleh masyarakat Islam dan memerlukan penyelesaian. Mengikut Mazhab Syafii, wajib bagi seseorang yang ingin berpuasa untuk berniat pada malamnya. Hukum ini bersandarkan kepada sabda nabi s.a.w: "Tidak sah puasa bagi yang tidak berniat puasa pada malamnya." (H.R Abu Daud)

Begini juga hukumnya bagi semua puasa wajib seperti puasa ramada, qada, nazar dan lain-lain. Oleh itu, sebaik-baiknya kita mengingatkan diri supaya memasang niat puasa pada setiap malam.

Bagi sesiapa yang terlupa untuk berniat puasa pada malam hari bulan ramadan, ia boleh bertaklid Mazhab

Maliki dan Hanbali dalam masalah ini. Bagi pendapat mereka, memadai hanya berpuasa pada awal Ramadan sahaja untuk berpuasa selama sebulan.

Oleh itu, seseorang yang terlupa berniat pada malam hari boleh meneruskan puasanya pada keesokkan harinya. Akan tetapi mestilah dengan syarat dia telah berniat ingin berpuasa sebulan penuh pada malam pertama ketika awal bulan Ramadan.

Bagi puasa sunat pula tidak disyaratkan untuk berniat pada malam hari. Puasa sunat boleh diniatkan sehingga sebelum matahari tergelincir pada siang hari iaitu sebelum masuk solat Zuhur.

Nabi s.a.w pernah berkata kepada Saidatina A'isyah pada suatu hari: "Adakah kita mempunyai makanan untuk makan tengahari?" aisyah menjawab: "tidak ada." Sabda Nabi: kalau begitu, aku berpuasa ." (H.R Al-Daruqutni)

Islam adalah agama rahmat yang sentiasa memberi kesenangan dan kelonggaran kepada umatnya.

Niat Batal Puasa

Soalan: Pada suatu tengahari dalam bulan ramadan, saya berniat membatalkan puasa tetapi saya tidak melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa seperti makan dan minum. Adakah dengan sekadar niat begitu puasa saya telah terbatalkan?

Jawapan:
Tidak batal selagi belum melakukan perbuatan yang membatalkan puasa.

Huraian:

Imam Al-Suyuti menyebutkan beberapa hukum berkenaan memutuskan niat ketika ibadah sedang dilaksanakan. Beliau menjelaskan bahawa seseorang yang berniat memutuskan puasa atau iktikaf, keduanya tidak terbatalkan menurut pendapat yang paling sahih.

Jadi, niat membatalkan puasa pada ketika itu tidak membatalkan puasa selagi saudara tidak melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa.

Islam tidak membenarkan seseorang yang sedang berpuasa untuk berbuka tanpa keuzuran yang dibenarkan oleh syarak. Bahkan seseorang itu dikira melakukan dosa besar kerana berbuka puasa dengan sengaja pada bulan ramadan. Orang yang melakukannya wajib bertaubat dan menggada semula puasa yang ditinggalkannya itu pada hari yang lain.



Soalan-Soalan Lazim Berkaitan Bulan Ramadhan
Diedit Semula :
Ustaz Muhammad Ali Bin Janas

Ibadah puasa bukanlah suatu perkara yang boleh diambil ringan sama ada mahu dilakukan atau tidak. Ia ibadat yang khusus dengan tujuan mencari keredhaan dan kurnia daripada Allah Taala. Sepatutnya umat Islam berasa malu dan takut untuk cuba melanggar perintah Allah dengan meninggalkan tuntutan ibadah yang wajib ini.

Mereka yang tidak berpuasa wajib disuruh bertaubat. Jika mereka tidak bertaubat, maka harus bagi kadi untuk mengurung mereka di dalam lokap tanpa diberi sebarang makanan dan minuman pada siang hari dalam bulan Ramadhan.

Niat Ketika Solat

Soalan: Adakah dikira sah sekiranya seseorang itu berniat puasa ketika mengerjakan solat ?

Jawapan

Dalam masalah ini, niat puasanya dikira sah dan memadai walaupun niat itu dilakukan ketika menunaikan solat. Perkara ini disebut oleh Imam Al-Nawawi dalam kitab Majmuk. Begitu juga dengan pendapat Ibn Hajar Al-Haitami yang menyatakan : "Dengannya itu, diketahui bahawa sah niat iktikaf dalam solat."

Maka niat iktikaf dalam solat sebagaimana yang disebut itu dikiaskan kepada niat puasa ketika menunaikan solat. Oleh yang demikian, niat puasa yang dilakukan ketika dalam solat dikira sah.

Mereka yang tidak berpuasa wajib disuruh bertaubat.

Niat Tak Sah

Soalan: Adakah memadai niat seseorang untuk berpuasa di bulan Ramadhan dengan hanya berkata : "aku berpuasa pada keesokkan hari"?

Jawapan

Dalam hal ini, mengikut pendapat Syeikh Ba'lawi, niat tersebut tidak memadai, maka ia dikira tidak sah. Ini kerana puasa merupakan ibadat yang mesti disandarkan kepada waktu tertentu.

Oleh itu, seseorang yang berniat puasa pada malam hari mestilah menyebut selepas itu "pada bulan Ramadhan" sebagai ta'yin (pernyataan dan penerapan) waktu. Hal ini diliaskan dengan solat lima waktu iaitu tidak sah solat tanpa dinyatakan waktu solat yang dikerjakan.

UTeM

جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA



SOAL JAWAB

Masalah Wanita dan Bulan Ramadhan

Soalan :

Adakah boleh puasa fardhu jika suci daripada haid sebelum waktu Subuh tetapi tidak sempat mandi hadas besar.

Jawapan :

Wanita tamat haid pada waktu malam dan sempat niat pada waktu malamnya sebelum naik fajar subuh. Ia dikira sah walaupun belum mandi hadas. Jika ia tidak sempat berniat sebelum fajar subuh, seperti belum makan dan minum apa-apa pada pagi itu, kemudian pada jam 8 pagi haidnya kering, ia tidak dikira boleh berpuasa pada hari itu kerana tiada niat bagi puasa wajib boleh dibuat selepas terbit fajar. Demikian juga ditegaskan oleh majoriti ulama (Al-Mughni, Ibn Qudamah, 4/201). Dalilnya adalah :-

من لم يُجْمِعَ الصَّيَامُ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلَا صَيَامٌ لَهُ

Ertinya : "Barangsiapa yang tidak berniat untuk puasa sebelum fajar, tiada puasa (wajib) baginya." (Riwayat Abu Daud, 3/108 ; Albani : Sohih)

Soalan :

Bolehkah menggunakan pil untuk elak daripada haid dengan tujuan untuk berpuasa penuh di bulan Ramadhan?

Jawapannya :

Harus dengan syarat tidak membawa mudarat kepada pusinan haidnya, dan memerlukan nasihat doktor Islam yang berwibawa. Namun yang terbaik adalah tidak menyekat haid, dan tidak menganggu kitaran fitrah yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. selain itu wanita sedang haid juga masih boleh melaksanakan pelbagai jenis ibadah lain.

Soalan :

Bagaimanakah wanita yang istihadah ingin melaksanakan puasa sama ada sunat, fardhu (di bulan Ramadhan) ataupun puasa ganti?

Jawapan:

Hukum ke atas wanita istihadah (darah kerana sakit) adalah sama dengan hukum bagi wanita suci dalam banyak permasalahan. Oleh yang demikian, wanita istihadah wajib sembahyang fardhu, wajib puasa Ramadhan, boleh berpuasa sunat, dan boleh berpuasa ganti ketika waktu istihadah. Manakala yang menghalang daripada seseorang itu berpuasa adalah bagi wanita yang haid dan nifas sahaja, dan mereka ini diwajibkan untuk menggantikannya semula selepas 1 Syawal. Pendapat ini dipersejuaui oleh keempat-empat mazhab.

Soalan :

Rancangan-rancangan di televisyen banyak menayangkan wanita yang tidak menutup aurat, termasuklah di bulan Ramadhan. Sehubungan itu, adakah pahala puasa akan berkurangan jika melihatnya tanpa disengajakan.

Jawapan :

Di dalam riwayat Rasulullah s.a.w. ada menjelaskan mengenai membuka dan mempertontonkan bahagian tubuh badan yang boleh menaikkan syahwat dan hukumnya adalah haram walaupun sengaja atau tidak sengaja. Walaupun melihat aurat wanita bagi pandangan yang pertama atau pandangan awal tidaklah berdosa, tetapi pandangan yang kedua sama ada secara sedar atau sengaja iaitu dengan niat untuk melihatnya, maka ia adalah haram.

Begini halnya jika melihat aurat sama ada secara nyata atau di dalam televisyen sehingga mendatangkan keghairahan maka melihat atau menontonnya adalah sama. Kalau kita melihat kepada takrif puasa iaitu menahan nafsu makan, minum, bersetubuh dan perkara yang membatalkan puasa bermula terbit fajar hingga terbenam matahari yang disertai. Apakah lagi perkara yang haram.

Menonton tayangan yang menonjolkan aurat atau yang menimbulkan rangsangan bertentangan dengan makna puasa, walaupun ia tidak membatalkan puasa.

Perkara yang membatalkan puasa dari segi hukum antaranya makan, minum dan melakukan hubungan seks pada siang puasa. Namun demikian, oleh kerana ia bertentang dengan makna puasa, sudah tentu ia mengurangkan pahala puasa.

Imam al-Ghazali membahagikan puasa kepada tiga tahap iaitu puasa umum, puasa al-Khusus dan puasa khusus al-Khusus.

Tahap pertama adalah tahap puasa orang awam iaitu menahan perut dan kemaluhan dari mengikut kehendak syahwat.

Tahap kedua puasa orang khusus iaitu orang yang menahan pendengaran, penglihatan, lidah, tangan, kaki dan seluruh anggota daripada perkara-perkara dosa. Tahap ketiga adalah puasa kalangan Nabi, as-Shiddiqin, orang salih dan seumpamanya.

Puasa mereka adalah menahan hati daripada keinginan yang buruk dan daripada memikirkan sesuatu selain Allah S.W.T secara sepenuhnya. Puasa akan terbatal pada tahap ini disebabkan memikirkan perkara-perkara selain Allah S.W.T dan Hari Akhirat.

Puasa tahap ketiga inilah puasa yang paling khusus kerana mereka bukan saja memelihara diri daripada perkara membatalkan puasa tetapi juga yang membatalkan pahala puasa.



Rasulullah s.a.w bersabda : "Ramai orang puasa, tetapi balasannya hanya lapor dan dahaga (tiada pahala) dan ramai orang berjaga malam (beribadah) balasannya hanyalah mengantuk (tiada pahala)" (Hadith riwayat Ahmad dan Tabarani)

Oleh itu, tanya pada diri, apakah menonton tayangan televisyen itu benar-benar tidak sedar atau tidak tahu bahwa ia perkara yang dilarang atau sebenarnya ia sedar dan memang sengaja menontonnya.

Soalan :

Apakah hukum mencium isteri atau suami ketika sedang berpuasa ?

Jawapan :

Mencium isteri atau suami tatkala berpuasa, tidak batal menurut majoriti ulama. Ia berdasarkan beberapa dalil antaranya :-

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ يَقْبَلُ وَهُوَ صَائِمٌ وَيُبَاشِرُ وَهُوَ صَائِمٌ وَلَكِنَّهُ كَانَ أَمْلَكَ لِإِرْبِيهِ

Ertinya : "Nabi s.a.w mencium dan bermesra (dengan isterinya) dalam keadaan ia berpuasa, tetapi baginda adalah seorang yang menguasai diri dan nafsunya" (Riwayat Abu Daud, 2/311 ; Syuaib arnaout : Sohih)

Dan satu lagi adalah :-

فَجَاءَ شَابٌ قَالَ أَقْبِلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَأَنَا صَائِمٌ قَالَ لَا قَالَ فَجَاءَ شِيخٌ قَالَ أَقْبِلَ وَأَنَا صَائِمٌ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَنَظَرَ بَعْضُنَا إِلَى بَعْضٍ قَالَ النَّبِيُّ قَدْ عَلِمْتُ لَمْ نَظِرْ بَعْضُكُمْ إِلَى بَعْضٍ إِنَّ الشِّيْخَ يَمْلُكُ نَفْسَهُ رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالطَّبَرَانِيُّ فِي الْكِبِيرِ وَفِيهِ أَبْنُ لَهِيَةٍ وَحَدِيثُهُ حَسْنٌ وَفِيهِ كَلَامٌ

Ertinya : Kami bersama Nabi tiba-tiba didatangi oleh seorang pemuda dan bertanya : Aku berpuasa dan aku mencium isteriku, jawab nabi : Jangan ; tiba-tiba dating seorang tua dan bertanya soalan yang sama : Jawab nabi : Ya (tiada masalah) ; kami kami saling berpandangan antara satu sama lain, maka nabi berkata :- "Aku tahu apa mengapa kamu saling berpandangan antara satu sama lain, sesungguhnya orang tua mampu mengawal dirinya (nafsu)" (Riwayat Ahmad dan At-Tabrani, sanad terdapat Ibn Lahi'ah yang diperkatakan tentangnya, menyebabkan hadis dianggap dhoif)

Al-Qaradawi pula menambah "berapa ramai orang tua zaman sekarang yang turut tidak mampu mengawal nafsunya " (Fiqh As-Siyam, hlm 106)

Kesimpulannya, ia tidak membantalkan puasa dan ciuman sebegini tidak harus jika ia boleh membawa mudarat seperti menaikkan nafsu dan boleh membawa kepada persetubuhan di siang hari di bulan Ramadhan.

Wallahu'lam.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



جامعة ماليزيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Kelebihan Bulan Ramadhan

Bulan Ramadhan adalah bulan yang sangat tinggi darjat dan besar martabatnya di sisi Allah s.w.t. dan RasulNya, ia juga penghulu segala bulan.

Di antara kelebihan dan keistimewaan bulan Ramadhan itu Allah S.W.T telah menurunkan kitab suciNya (Al-Quran) yang menjadi petunjuk pada manusia. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan kitab suciNya (Al-Quran) yang menjadi petunjuk bagi sekelian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan (menjelaskan) perbezaan yang benar dengan yang salah." Surah Al-Baqarah : 185.

Di pilih di antara malam-malam bulan Ramadhan itu suatu malam Lailatulqadar yang mana ia jauh lebih baik daripada seribu bulan. Seribu bulan itu kira-kira 83 tahun. Menurut ulama Lailatulqadar itu jatuh pada salah satu malam sepuluh yang terakhir daripada bulan Ramadhan. Sayugia diingatkan bahawa jangan disia-siakan malam-malam di bulan Ramadhan dengan perkara-perkara tidak berfaedah, bahkan hendaklah diisi dengan amal ibadat sebagai saham dan bekalan di dunia dan akhirat.